

Jilid I
Bil. 71



Hari Khamis
24hb Oktober, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 11757]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Sidang Damai Asia Barat—Y.B. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
(Marang) [Ruangan 11807]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kemajuan Tanah (Pindaan) [Ruangan 11811]

Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan
(Pindaan) [Ruangan 11866]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO' MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.I.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIOW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 24hb Oktober, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

MALAYSIA FEST 1991

1. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) apakah matlamat mengadakan Malaysia Fest 1991;
- (b) berapakah jumlah perbelanjaan yang telah digunakan; dan
- (c) apakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan Malaysia Fest pada tahun-tahun akan datang berpusat di negeri-negeri lain, sekiranya tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) matlamat Kementerian mengadakan Pesta Malaysia ialah:
 - (i) mewujudkan satu aktiviti pelancongan khas yang dapat menarik ke-masukan pelancong ke negara ini dan pada masa yang sama meng-

galakkan pergerakan pelancongan dalam negeri (domestic);

- (ii) mendedahkan keindahan dan kemampuan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai pusat tarikan pelancong-pelancong asing dan tempatan di negara ini; dan
- (iii) mempertingkatkan kadar penginapan di hotel-hotel di Malaysia serta menggalakkan aktiviti membeli-belah di Kuala Lumpur.

- (b) Jumlah perbelanjaan bagi Malaysia Fest 1991 ialah \$2.8 juta.
- (c) Malaysia Fest tidak dicadang untuk diadakan di negeri-negeri lain kerana tujuan asalnya ialah untuk membangunkan produk-produk pelancongan yang terbaik dari Malaysia di satu tempat untuk diperkenalkan kepada pelancong kerana Kuala Lumpur merupakan "get way to fascinating Malaysia", dengan izin.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah dalam mengambil bahagian dalam mengadakan Malaysia Fest 1991 seluruh negeri-negeri di Malaysia ini dijemput, terutamanya negeri Sabah dan Kelantan. Kalau tidak dijemput, mengapa tidak dijemput?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya hendak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa semua negeri dijemput termasuk Kelantan dan Sabah dan pihak Kementerian merasa bangga kerana jemputan ini telahpun diterima dan tidak ditolak oleh Kelantan dan Sabah.

KENAIKAN HARGA RUMAH

2. **Tuan Kerk Kim Hock** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap keadaan di mana pemaju mengambil kesempatan menaikkan harga rumah terlalu tinggi berikutan permintaan rumah yang terus meningkat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada peruntukan undang-undang bagi mengawal harga jualan rumah kos sederhana dan tinggi yang dipasarkan oleh pemaju-pemaju swasta yang berlesen. Selaras dengan amalan sistem ekonomi bebas di negara ini, harga jualan rumah-rumah kos sederhana dan tinggi adalah tertakluk kepada keadaan pasaran khususnya permintaan dan bekalan. Tetapi bagi rumah-rumah jenis kos rendah, Kerajaan telah menetapkan harga jualan tidak melebihi \$25,000 seunit. Ini bermakna, soal meletakkan harga sendiri oleh pemaju tidak timbul bagi rumah-rumah kos rendah.

Bagi menjaga harga rumah keseluruhannya, pihak Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ada mengambil langkah-langkah untuk mengawal harga bahan-bahan binaan utama seperti simen dan besi keluli.

Langkah-langkah ini bertujuan mengawal kenaikan harga jualan rumah daripada meningkat terlalu tinggi.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, antara satu-satu sebab yang menyebabkan peningkatan harga rumah ialah kerana orang asing datang ke negeri kita untuk melabur dan berebut membeli rumah-rumah. Adakah Kerajaan bercadang hendak menyekat atau menghadkan orang-orang asing memiliki harta-benda seperti rumah ini untuk mencegah kenaikan atau meningkatkan harga rumah?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sendiri telah berkata bahawa terdapat salah satu cara di mana pemaju-pemaju meningkatkan harga rumah kos rendah dengan mengenakan bayaran kononnya untuk mengubahsuai dan mem-perelokkan lagi rumah. Walaupun ini nampaknya satu persetujuan sukarela di antara pihak pemaju dan pembeli, sebenarnya ini bukan hakikatnya. Apakah langkah-langkah yang telah diambil atau akan diambil oleh pihak Kerajaan?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, perjanjian atau kontrak jual-beli di antara pengusaha dan pembeli adalah terkandung di dalam surat perjanjian jual-beli rumah. Jadi, sebarang perubahan hendaklah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Maka apabila berlaku renovation, dengan izin, itu mestilah mendapat persetujuan si pembeli, kalau tidak sudah tentu ia tidak akan mengakibatkan sebarang kos tambahan untuk narga rumah tersebut.

LESEN BARU KENDERAAN PERDAGANGAN

3. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan pihak Kementerian bagi memastikan ketulenan surat kelulusan permohonan lesen kenderaan perdagangan dan berapakah kes pemalsuan surat kelulusan permohonan telah dikesan setakat ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian telahpun mencetak surat kelulusan dan lesen baru kenderaan perdagangan dengan memasukkan ke semua ciri-ciri keselamatan yang sofistikated dengan kerjasama Pejabat Pegawai Keselamatan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Mengenai jumlah kes pemalsuan surat kelulusan permohonan, setakat ini cuma satu yang dapat dikesani dan siasatan sedang dijalankan oleh pihak Polis.

PROJEK RANCANGAN MALAYSIA KELIMA TIDAK DILAKSANAKAN

4. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) peratusan projek yang tidak dapat dijalankan dalam Rancangan Malaysia Kelima;
- (b) jumlah wang yang terlibat dalam projek-projek ini dan peratusnya dalam Rancangan Malaysia Kelima; dan
- (c) sebab-musabab projek-projek ini tidak dapat dijalankan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah bilangan projek di bawah Rancangan Malaysia Kelima yang dirancang ialah sebanyak 4,929. Daripada jumlah bilangan projek ini, sebanyak 80 projek iaitu 1.62% daripada jumlah projek tidak dapat dilaksanakan secara fizikal.
- (b) Sebanyak \$32,290,845,690 telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Bagi 80 projek yang tidak dapat dilaksanakan secara fizikal itu, peruntukan yang terlibat ialah sebanyak \$78,531,500 sahaja, iaitu 0.21% daripada keseluruhan 4,929 projek RML.
- (c) Sebab-sebab projek ini tidak dapat dilaksanakan secara fizikal ialah antara lain:
 - (i) kajian secara terperinci menunjukkan bahawa projek yang hendak dilaksanakan itu kurang bersesuaian kepada pengguna;
 - (ii) kajian secara terperinci tidak dapat disempurnakan di dalam jangka masa yang ditetapkan;
 - (iii) perubahan skop terpaksa dibuat kepada projek dan ini memerlukan perancangan semula kepada pelan-pelan; dan
 - (iv) pelan secara terperinci tidak dapat disediakan di dalam jangka masa yang ditetapkan oleh kerana Agensi Pelaksana terlibat dengan banyak projek-projek untuk dilaksanakan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada benar bahawa terdapat projek-projek yang disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Keempat masih pun belum dilaksanakan. Jika benar, adakah projek-projek termasuk projek-projek yang masih belum dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat ataupun Rancangan Malaysia Kelima, dan jika kajian didapati sesuai untuk dilaksanakan pada tahun ini atau tahun depan dapat diberi keutamaan dalam pelaksanaan projek-projek tersebut. Sekian, terima kasih.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kalau hendak tanya berkenaan Rancangan Malaysia Keempat, tak sempat saya hendak tengok sekarang. Berkenaan dengan Rancangan Malaysia Kelima untuk dilaksanakan pada tahun-tahun ke hadapan, saya ingat kalau ini sesuai dan peruntukan dapat dicari, saya percaya ini akan diberi keutamaan.

SEWA TELEFON DI LUAR BANDAR

5. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos atau Syarikat Telekom Malaysia Berhad untuk mengurangkan bayaran sewa telefon di kawasan luar bandar yang jauh dari ibu sawat telekom memandangkan pembayaran sewa di kawasan ini lebih mahal daripada pembayaran sewa di kawasan bandar. Jikalau ada, apa langkah telah diambil. Apa kesannya.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian

dalam tempoh dua tahun yang lepas telah mengkaji dengan serius soalan mengenai sewa telefon di kawasan-kawasan luar bandar.

Kementerian ini memang bersetuju supaya sewa talian telefon di luar bandar dikurangkan. Sehubungan dengan ini, beberapa perbincangan telah diadakan dengan pihak Telekom Malaysia dan pihak berkenaan telah menerangkan bahawa terdapat infrastruktur telekomunikasi yang tidak lengkap di kawasan luar bandar dan keadaan ini memerlukan banyak penyambungan khas untuk menyediakan perkhidmatan telefon di kawasan luar bandar. Perkhidmatan khas ini memerlukan tambahan peralatan dan talian, dan ini mengakibatkan tambahan kos kepada STM.

Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian berpendapat bahawa sekiranya sewa bagi kawasan luar bandar hendak dikurangkan juga pada masa kini, hal ini hanya mungkin dengan sama ada menyediakan subsidi Kerajaan kepada pihak STM ataupun membenarkan pihak STM menaikkan bayaran sewa bagi kawasan bandar.

Untuk mengelakkan masalah ini dan untuk menyediakan perkhidmatan yang seimbang dari segi kualiti dan sewa bagi kawasan bandar dan luar bandar, STM pada masa ini sedang membelanjakan kira-kira \$300 juta setahun untuk menambahkan infrastruktur di kawasan-kawasan luar bandar. Dengan ini adalah diharapkan masalah sewa telefon yang tinggi di kawasan luar bandar dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian akan membuat keputusan muktamad berhubung dengan perkara ini setelah perbincangan selanjutnya dengan pihak STM.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. Waktu STM ini hendak diswastakan dahulu, persoalan telah dikemukakan antara lain, iaitu apakah perkhidmatan telefon di luar bandar termasuk masalah sewanya sekali akan dinaikkan ataupun dikurangkan apabila ianya diswastakan. Jadi, sekarang ini sudah berbangkit masalah sewa yang tinggi dan dimaklumkan sebentar tadi cara untuk menurunkan ialah satu, melalui subsidi, dan kedua, melalui bayaran yang dinaikkan di kalangan bandar walaupun STM telah membelanjakan \$300 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang sangat itu?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Soalan tambahan saya ialah kalau kita lihat kepada keuntungan STM pada tahun lalu, cukup banyak, begitu besar. Apakah tak mungkin STM sendiri memberi subsidi perkhidmatan sosial daripada memikirkan soal keuntungan dan memberi alasan seumpama ini? Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sedar STM telah mendapat keuntungan yang besar tetapi daripada keuntungan-keuntungan itulah mereka bersetuju untuk membelanjakan \$300 juta pada tiap-tiap tahun untuk memperbaiki keadaan infra-struktur telekomunikasi di kawasan-kawasan luar bandar.

Yang kedua, apabila Telekom Malaysia ini telah diswastakan, mereka juga bertanggungjawab untuk membayar hutang balik kepada beberapa pihak, iaitu lebih dari \$4 bilion. Janganlah kita ambilkira keuntungan sahaja, tetapi kita hendaklah ambil kira kandungan perjanjian di antara Telekom Malaysia dan Kerajaan berkenaan dengan

bayaran balik pinjaman bagi pihak Kerajaan.

Datin Lin Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri kata \$300 juta dibelanjakan oleh STM untuk menyediakan kemudahan kepada kawasan luar bandar. Saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat Menteri, \$300 juta itu merupakan berapa peratusan berbanding dengan keuntungan yang didapati oleh STM?

Dato' Seri S. Samy Velu: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun dahulu STM telah dapat lebih dari \$600 juta keuntungan bersih. Jikalau kita belanja \$300 juta, peratusnya lebih kurang 50%. Senang untuk dikira. *(Ketawa)*

TRIBUNAL HARGA

6. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah Kerajaan akan mengadakan sebuah Tribunal Harga supaya dapat mengawal harga barang dan semua kenaikan harga tidak boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya melainkan dengan diluluskan oleh Tribunal ini setelah dirujuk kepadanya.

21. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Pengguna menyatakan langkah-langkah yang diambil terhadap pengeluar barang-barang yang menaikkan harga barang-barang secara sembarangan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong yang dijadualkan pada hari ini juga.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem ekonomi yang diamalkan di negara ini, harga sesuatu barang biasanya ditentukan oleh penawaran dan permintaan di samping faktor-faktor lain seperti kenaikan kos pengeluaran, perubahan kadar pertukaran matawang asing dan sebagainya. Keadaan ini adalah amat bersesuaian dengan sistem perdagangan bebas di mana campur tangan Kerajaan dalam menentukan bekalan dan harga sesuatu barangan seharusnya berada di tahap yang minimum. Dengan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan suatu Tribunal bagi mengawal harga barang-barang.

Walaupun negara kita mengamalkan sistem perdagangan bebas dan Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan suatu Tribunal Harga, namun berbagai langkah dan tindakan telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bekalan barang-barang perlu mudah diperolehi di pasaran dengan harga yang berpatutan. Bagi menentukan bekalan barang-barang perlu sentiasa mencukupi dan mudah diperolehi dengan harga yang berpatutan dalam setiap keadaan, Kerajaan telah mengisytiharkan 20 jenis barangan sebagai barang kawalan sepanjang masa dan 25 jenis barangan lagi sebagai barang kawalan di musim-musim perayaan di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961. Setiap bentuk urusniaga barangan ini adalah tertakluk kepada kawalseliaan oleh Kerajaan.

Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk menentukan harga barangan di pasaran berada di satu paras yang munasabah. Harga beras umpamanya telahpun dikawal melalui proses undang-undang. Harga gula, tepung gandum, minyak petrol, minyak disel, minyak tanah, gas petroleum cecair, simen dan besi keluli pula dikawal

melalui pentadbiran di mana setiap perubahan harganya perlu mendapat kelulusan Kerajaan. Bagi membolehkan pengguna membuat perbandingan harga dan memudahkan pengesanan perubahan harga pula, penjual runcit telah diwajibkan meletakkan tanda harga kepada 111 jenis barangan yang dipamerkan untuk jualan.

Bagi barang-barang keperluan yang lain, Kerajaan telah meminta pengeluar-pengeluarnya merujuk kepada Kementerian ini terlebih dahulu sebelum sebarang kenaikan harga dibuat. Kenaikan harga dibenarkan hanya apabila Kerajaan berpuashati bahawa kenaikan itu tidak dapat dielakkan dan kadar kenaikannya tidak membebankan pengguna. Dalam hubungan ini, sukacita saya memaklumkan bahawa pengeluar-pengeluar telah memberi kerjasama pada keseluruhannya kepada Kementerian dan sehingga ini tidak ada pengeluar yang menaikkan harga barang-barang keluaran mereka dengan sewenang-wenangnya tanpa merujuk terlebih dahulu kepada Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, sistem pengawasan ke atas bekalan dan harga barang-barang keperluan di negara pada masa ini berjalan dengan berkesan. Ini adalah berdasarkan kepada fakta bahawa harga runcit barang-barang seperti gula, tepung gandum, minyak petrol dan lain-lainnya pada masa ini tidaklah begitu tinggi jika dibandingkan dengan harga dalam tahun-tahun yang terdahulunya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa Kementerianya telah berunding dengan beberapa buah Kerajaan Negeri bagi mencari jalan penyelesaian kepada masalah harga barang keperluan yang tinggi di bandar-bandar kerana jurang atau

perbezaan harga barang-barang keperluan itu amat sangat sekarang. Adakah hasil perundingan itu boleh diumumkan? Setakat ini saya tidak nampak ada pengumuman mengenainya. Juga adakah benar bahawa Yang Berhormat, pihak Kementeriannya telah melantikkan satu syarikat perunding untuk mengadakan kajian ke atas faktor-faktor yang menyebabkan jurang perbezaan harga barang-barang keperluan ini memandangkan kekurangan tenaga di dalam Kementerian yang tidak mampu untuk mengawal dan tidak mampu untuk mengkaji?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, bukan siapa suruh, tetapi pihak Kementerian dengan inisiatifnya telahpun berusaha untuk mencari jalan bagaimana kita dapat standardizekan harga-harga di kawasan bandar dengan harga di kawasan luar bandar. Seharusnya orang-orang yang perlu mendapat bantuan adalah orang-orang di luar bandar kerana pendapatan mereka kurang daripada orang-orang di bandar. Tetapi kita dapati bahawa harga-harga di kawasan luar bandar itu lebih tinggi daripada harga yang terdapat di bandar. Umumnya ini adalah disebabkan kos pengangkutan, distribution dan sebagainya. Oleh sebab itu pihak Kerajaan telahpun melantik satu firma perunding untuk mencari jalan dan membuat kajian secara mendalam dan menyeluruh untuk mengatasi perkara ini di samping perkara-perkara lain. Suatu hari nanti kita berharap sekurang-kurangnya dari segi barang-barang keperluan itu kita dapat standardize harga iaitu bagi kawasan bandar dan luar bandar dengan satu cara iaitu memujuk pihak-pihak pengeluar barangan tersebut untuk absorb harga-harga dan kos pengangkutan dan pengedaran.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang Kerajaan menolak

untuk menubuhkan tribunal. Memandangkan ada tekanan tentang inflasi dan juga satu juruperunding telah dilantik, adakah ini bermakna Kerajaan bercadang untuk menambakan jumlah barang-barang yang diletak di bawah harga yang dikawal?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan kita masih berpegang teguh kepada suatu dasar pokok sejak kita mula-mula merdeka iaitu kita mengamalkan sistem perdagangan bebas (free enterprise system and open market economy), iaitu pasaran terbuka. Kita masih berpegang teguh kepada dasar pokok itu. Namun demikian, kita perlulah dari masa ke semasa mengambil tindakan perlu untuk membela dan juga untuk mempertahankan kepentingan para pengguna.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kita telahpun mewujudkan berbagai-bagai perundangan untuk mencari jalan secara tidak langsung atau langsung untuk mengawal harga-harga yang berkaitan khususnya yang berkait dengan orang-orang yang berpendapatan rendah. Memanglah menjadi amalan Kementerian ini sepanjang masa kita mengkaji keadaan dan di mana perlu bukan sahaja kita menambahkan senarai harga barang-barang kawalan tetapi kadang-kalanya sungguhpun pada setakat ini belum ada lagi keadaan tersebut berbangkit, kalau perlu, kita juga akan kurangkan.

BEKALAN ELEKTRIK DI KOTA BELUD

7. **Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan senarai kampung-kampung yang telah dikenalpasti untuk diberi kelulusan bagi bekalan tenaga elektrik luar bandar di Daerah Kota Belud dalam tempoh Rancangan Malaysia

Keenam dengan memberi pecahan angka dalam setiap lima tahun bermula daripada tahun 1992, 1993, 1994, 1995 dan 1996.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan yang dicadangkan di dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk projek-projek bekalan elektrik luar bandar bagi Daerah Kota Belud adalah sebanyak \$14.2 juta. Bilangan kampung yang telah dikenalpasti untuk diberi bekalan elektrik luar bandar bagi tahun 1991/92 ialah 13 buah kampung. Kampung-kampung itu ialah Payas-payas, Pantai Emas, Swang Pungur, Liang, Merbau, Tamau, Kulambai, Sadok-sadok, Lakaduni, Kuala Abai, Song-song, Intasan dan Tawadakun.

Untuk tahun-tahun berikutnya Kerajaan akan menentukan senarai projek setelah memperolehi maklumat-maklumat tentang prestasi dan keupayaan pelaksanaan daripada agensi pelaksana iaitu Lembaga Letrik Sabah.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya senarai kampung-kampung yang disebutkan tadi itu adalah hanya terletak di dalam kawasan Usukan iaitu kawasan Ahli dari UMNO. Dalam Daerah Kota Belud ada tiga kawasan yang mana Kadamaian dan Tampasuk iaitu kawasan PBS ternyata tidak termasuk di sini. Adakah ini satu amalan pilih kasih di pihak Kerajaan?

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, 13 kampung yang saya sebutkan tadi ialah bagi tahun 1991/1992. Ada lagi 4 tahun dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam, boleh jadi kampung-kampung yang dinyatakan itu disenaraikan kemudian, iaitu mengikut priority Kerajaan yang memerintah.

HOSPITAL—KEKURANGAN PEGAWAI

8. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) berapa ramai pegawai-pegawai dalam Kementerian Kesihatan yang tidak mencukupi keperluan di Hospital-hospital:

- (i) Pakar-pakar Perubatan;
- (ii) Doktor;
- (iii) Jururawat; dan

(b) apakah tindakan Kementerian mengatasi hal ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, mengikut perancangan, Kementerian memerlukan sekurang-kurangnya 570 orang pakar perubatan untuk memenuhi keperluan yang dirancangan. Pada masa ini terdapat 451 orang doktor pakar yang sedang berkhidmat dengan kekurangan sebanyak 119 orang.

Jumlah jawatan Pegawai Perubatan dan Kesihatan pada masa ini ialah 3,133 orang yang mana 2,596 orang sedang diisi dan kekurangannya ialah 537 orang.

Jumlah jawatan bagi semua kategori jururawat di hospital-hospital pada masa ini ialah 19,089 orang yang mana 17,774 sedang diisi dan kekurangannya ialah 1,315 orang.

Untuk soalan (b), untuk mengatasi masalah kekurangan doktor, tindakan-tindakan berikut telah dan sedang diambil:

- (i) Meningkatkan bilangan doktor-doktor melalui:
 - menambahkan tempat-tempat untuk pelajar-pelajar perubatan di universiti-universiti tempatan;

- menghantarkan lebih ramai penuntut Malaysia mengikuti kursus perubatan di universiti-universiti luar negeri.
- (ii) Menggalakkan doktor-doktor mengikut kursus Ijazah Lanjutan dengan:
 - menambahkan bilangan biasiswa bagi mengikuti kursus kepakaran;
 - meluluskan cuti bergaji penuh atau cuti tanpa gaji bagi mereka yang ingin mengikuti kursus kepakaran dengan sendiri;
 - mengadakan program pendidikan lepas Ijazah yang lebih baik dan teratur sebagai persediaan untuk membantu pegawai-pegawai perubatan menduduki peperiksaan kepakaran.

(iii) Menarik minat doktor untuk terus berkhidmat dengan Kerajaan melalui insentif-insentif seperti berikut:

- menambah elaun kepakaran seperti yang telah pun diluluskan oleh Kerajaan;
- menambahkan peluang kenaikan pangkat dengan mewujudkan lebih banyak jawatan Tingkatan Tertinggi; dan
- memperbaiki suasana kerja.

Manakala bagi mengatasi masalah kekurangan jururawat pula, tindakan berikut telah pun dan sedang diambil:

- pengambilan latihan jururawat asas telah pun ditambah daripada 353

orang pada tahun 1988 kepada 838 orang pada tahun 1991;

- Sekolah Latihan Jururawat, iaitu jururawat asas telah pun bertambah daripada 8 kepada 10 pada tahun 1991 setelah 2 buah sekolah latihan tersebut dibuka di Kuala Terengganu dan Kelang pada September tahun ini;
- mengambil jururawat secara kontrak daripada jururawat-jururawat yang telah pun berhenti atau pun bersara dalam negeri;
- cadangan mengambil jururawat secara kontrak daripada luar negeri yang sedang dalam pelaksanaan oleh Kerajaan sedang dijalankan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, melalui jawapan tadi, Timbalan Menteri ada memberitahu bahawa kita kekurangan jururawat dan jururawat di luar negeri pun kita ambil untuk berkhidmat di negara kita ini. Adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk mengambil jururawat dari Indonesia yang mana tidak ada masalah bahasa?

Tuan Mohamed bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut dasar Kementerian pada masa ini, kita cuba mengambil jururawat-jururawat daripada English speaking countries dahulu, kemudian jika sekiranya tidak ada response daripada negeri-negeri ini ataupun response tidak memuaskan, kita akan memperluaskan dan cadangan Yang Berhormat itu boleh dipertimbangkan.

Tuan Haji Mohamed bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan (a) bahagian ketiga, iaitu berkenaan jururawat juga, apakah di antara puncanya kekurangan jururawat adalah berpunca daripada pihak Kementerian tidak menghormati ajaran agama jururawat itu iaitu untuk memakai pakaian mengikut ajaran agama mereka seperti jururawat Islam, wanita Islam memakai pakaian menutup aurat. Apakah Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk membenarkan jururawat memakai pakaian seperti jururawat di Pusat Rawatan Islam?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu agak terkeluar daripada soalan pokok, walau bagaimanapun, Kementerian sudahpun membuat kenyataan akhbar berkenaan dengan masalah ini.

LATIHAN KETENTERAAN

9. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Pertahanan menyatakan perkara-perkara berikut berhubung dengan latihan ketenteraan bersama di antara Malaysia dan Singapura:

- (a) sejak bilakah perjanjian mengenai perkara tersebut dibuat;
- (b) apakah bentuk-bentuk latihan yang dilaksanakan;
- (c) di manakah kawasan yang terlibat bagi kedua-dua belah pihak; dan
- (d) berapa kalikah pencerobohan pernah berlaku oleh kedua-dua belah pihak.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Latihan Ketenteraan secara menyeluruh dan rasmi sememangnya

berada di dalam perhatian Kementerian. Bagaimanapun, latihan sentiasa dilaksanakan di atas dasar persahabatan dan nilai-nilai kerjasama di antara jiran yang sedia terjalin dari semulanya. Meskipun begitu, perjanjian 'ruang udara' yang khusus telah digubal pada bulan November 1983.

Bagi bahagian (b), bentuk-bentuk dan kawasan-kawasan yang terlibat untuk Latihan Ketenteraan Malaysia-Singapura adalah:-

(i) Tentera Darat

Secara ringkas butir-butir ekksesais tersebut adalah:

- (a) Ekksesais Semangat Bersatu 1/89 dilaksanakan di Singapura yang berupa "Live Firing Exercise" di mana satu kompeni dari 5 Renjer mengambil bahagian pada 21 hingga 27 Mei 1989.
- (b) Ekksesais Semangat Bersatu 2/89 telah berlangsung pada 5 hingga 12 Oktober 1989 di kawasan Sempadi Kuching, Sarawak. Ini adalah Ekksesais Bersama Trup ataupun FTX di mana pihak Singapura diwakili oleh satu Kompeni Dragon.

(ii) Tentera Laut

Ekksesais tahunan ini adalah dalam Siri Ekksesais MALAPURA. Bermula sejak 1984 dan dihoskan secara bergilir-gilir di antara TLDM dan Tentera Laut Singapura. Sehingga sekarang, sebanyak 6 Ekksesais telah dilaksanakan. Kawasan ditetapkan di Laut China Selatan.

(iii) Tentera Udara

Tidak ada Eksesais Bersama, hanya Latihan Gabungan di bawah FPDA dalam Siri Eksesais ADEX.

- (c) Tidak pernah berlaku pencerobohan di darat, laut atau ruang udara oleh kedua-dua pihak kecuali kejadian kapal tentera laut Republik Singapura terbabas di perairan Malaysia pada tahun 1989 disebabkan cuaca buruk. Tindakan memajukan Nota Bantahan Diplomatik telah dibuat terhadap Kerajaan Republik Singapura.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan begitu banyak, 6 latihan tentera yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, mengapakah pihak Singapura pada bulan Ogos itu menimbulkan satu ketidakpuasan mengenai satu latihan MALINDO Darsasar 3AB yang diadakan di Ulu Tiram Johor? Bolehkah Yang Berhormat menerangkan keadaan ini?

Ada satu lagi mengenai letupan meriam di Gelang Patah, apakah yang sebenarnya berlaku di Gelang Patah dengan kedua-dua das letupan?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang pertama, itu terpaksa Yang Berhormat menanya sendiri Kerajaan Singapura untuk mendapatkan jawapan yang sebenarnya. Saya tidak tahu apakah jawapan kepada perkara ini, kerana itu adalah pandangan Kerajaan Singapura tentang perkara itu.

Tentang yang kedua, ini telah dijawab secara betulis dalam sidang ini juga dalam dua tiga hari yang lepas.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, apakah faedah yang diperolehi daripada perjanjian seperti ini memandangkan bahawa ASEAN sekarang mengamalkan ZOPFAN, iaitu Zone of Peace, Freedom and Neutrality, dengan izin, dan memandangkan bahawa trend di dunia sekarang adalah ke arah demokrasi dan hak asasi manusia, bukankah latihan seperti ini menjajaskan keselamatan orang ramai seperti yang terbukti oleh beberapa peristiwa yang berlaku di Johor khususnya di Johor Bharu di mana keselamatan penduduk terancam.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tentang eksesais ini tidak ada kena mengena dengan semangat hak asasi manusia, kerana eksesais bersama ini adalah untuk kita membina semangat setiakawan yang rapat di antara kita dengan jiran-jiran kita. Kita mempunyai sempadan-sempadan bersama seperti lautan dan daratan seperti kita dengan Singapura, kita dengan Thailand, kita dengan Indonesia dan juga dengan Filipina. Jadi, eksesais bersama ini membina satu ketahanan bersama dari segi semangat.

Yang kedua, kita juga berfaedah dapat belajar kemahiran-kemahiran tertentu yang tidak terdapat di negara kita. Begitu juga jiran-jiran kita akan mendapat kemahiran yang tidak ada di tempat mereka dan bila berlaku ancaman kepada negara kita, kita boleh saling bantu membantu kerana kita memahami keadaan negara kita antara satu sama lain.

Kemudian tidak timbul soal membahayakan keselamatan. Mungkin Yang Berhormat tidak membaca jawapan rasmi Kementerian berkenaan dengan letupan di Johor itu. Sebenarnya tidak ada letupan di Johor itu. Sila rujuk balik kepada Hansard Parlimen, dalam itu ada. Kalau Ahli

Yang Berhormat seorang Ahli Parlimen yang teliti, dapat tahu apakah sebenarnya peristiwa yang berlaku di Johor itu.

Yang kedua, jangan sekali-kali ada di antara kita memikirkan bila negara kita aman seperti ini bahawa tidak mungkin ada ancaman. Lagi kaya negara kita, lagi semestinya kita mempertahankan negara kita dan bersedia. Dan kalau dunia lain mengetahui bahawa kita langsung tidak ada persediaan dari segi ketenteraan, maka dalam satu masa nanti mungkin atas sebab-sebab ekonomi, orang akan menawan negara kita. Jadi, konsep ini Yang Berhormat mesti fahami dahulu. Kalau tidak, mungkin kita akan menjadi senasib dengan negara Kuwait.

LETUPAN PELURU DI SELAT TEBRAU

10. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah benar letupan peluru di Selat Tebrau baru-baru ini berpunca dari pihak Singapura; jika benar, apakah tindak balas Malaysia terhadap tembakan peluru yang jatuh ke dalam perairan Johor; dan
- (b) apakah bantahan dibuat terhadap Kerajaan Singapura dalam memelihara kedaulatan negara-negara ASEAN.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya sambung sedikit daripada apa yang telahpun dijawab oleh Yang Berhormat dari Kementerian Pertahanan tadi berkenaan dengan kejadian letupan yang berlaku di Selat Tebrau antara Johor dengan Singapura. Sukacita saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa satu siasatan telah

dijalankan untuk mendapatkan serpihan-serpihan serta lain-lain kesan letupan di tempat kejadian. Walau bagaimanapun, tiada bukti yang kukuh ditemui untuk membolehkan kita mengetahui punca kejadian dan buat sebarang tuduhan terhadap sesiapa. Dalam hubungan ini, kita tidaklah perlu bagi negara kita membuat bantahan seterusnya.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jawapan itu tadi diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah ini bermakna bahawa peristiwa yang kononnya tidak berlaku mengenai perkara ini, apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan terhadap mereka yang menyebarkan peristiwa yang didakwa oleh pihak Kerajaan bahawa tidak berlaku, kerana perkara ini telah dihebohkan dengan begitu besar oleh para suratkhobar. Adakah satu utusan telah dihantar pada pihak suratkhobar yang berkenaan kerana ini adalah satu perkara yang serius di mana satu letupan ada berlaku dalam negara kita sendiri, tetapi sekarang dikatakan tidak berlaku, tidak benar. Ini adalah fact, dengan izin, ada berkaitan dengan sovereignty negara kita.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: (*Bangun*)

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: (*Bangun*) (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya kira Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak dengar jawapan saya. Saya sekali-kali tidak mengatakannya yang letupan itu tidak berlaku. Saya menyatakan bahawa siasatan tidak dapat menunjukkan apa-apa kesan untuk kita membuat tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang ditanya apakah tindakan yang telah diambil kepada orang-orang yang menyebarkan perkhabaran palsu itu.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, tentang siapa dan adakah sebaran yang dibuat secara palsu oleh sesiapa itu, saya tidak sebut langsung, tetapi oleh kerana ditanya oleh Yang Berhormat, kita mengatakan, pada pangalaman kita, jika tidak ada apa-apa yang melanggar undang-undang negara yang sedia ada, maka tindakan itu tidak boleh kita buat. Malah Parti Pembangkang pun selalu buat berbagai-bagai anggapan, berbagai berita dan sebagainya, kita tidakpun ambil apa-apa tindakan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini pihak Governor Thai telah datang memohon maaf daripada Sultan Perlis di atas pencerobohan mereka yang berlaku di negeri Perlis, dan selalu kita mendengar pencerobohan yang berlaku di Johor. Yang menghairankan, letupan yang didengar oleh beribu-ribu orang, pihak perisik kita tidak dengar. Ini satu telinga yang jenis apa kita tidak tahu. Kalau ada berlaku kejadian sebenarnya, apakah pihak Kementerian Luar Negeri tidak berusaha untuk meminta Kerajaan Singapura datang meminta maaf kepada Baginda Sultan Johor?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak bolehlah dalam soal jawab ada andaian "jika sekiranya" dan sebagainya, tidak boleh dibenarkan di bawah Peraturan Mesyuarat 23.

SKIM PERUMAHAN PEKERJA DI ESTET

11. Dr T. Marimuthu minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

(a) maklumat tentang estet-estet yang tidak mempunyai kemu-

dahan elektrik dan air paip. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia; dan

(b) berapa estetkah telah berjaya melaksanakan skim Perumahan Pekerja (Workers Housing Scheme). Apakah tindakan Kementerian untuk mempercepatkan pelaksanaan skim ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

(a) daripada sejumlah 1,570 buah estet di Semenanjung Malaysia yang menyediakan perumahan pekerja, terdapat 1,108 buah estet atau kira-kira 70% yang tidak mempunyai kemudahan air paip dari sumber awam. Estet-estet tersebut memperolehi air dari sumber persendirian seperti dari sungai, kolam, perigi atau air bukit. Berkenaan dengan bekalan elektrik, 797 estet memperolehi bekalan dari sumber Tenaga Nasional Berhad (TNB), 543 estet daripada janakuasa kepunyaan majikan sendiri, manakala di 230 buah estet tiada bekalan elektrik.

Di bawah Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 majikan-majikan ladang diwajibkan supaya menyediakan bekalan air paip yang mencukupi yang diperolehi daripada sumber awam. Akta tersebut juga mewajibkan majikan estet membekalkan elektrik yang mencukupi sama ada dari Tenaga Nasional Berhad atau dari sumber persendirian. Setelah mengenalpasti estet-estet yang perlu meningkatkan bekalan air dan bekalan elektrik sejajar dengan Akta Perumahan

Pekerja 1990, tindakan-tindakan berikut sedang diambil oleh Jabatan Buruh:

- (i) Estet-estet yang tidak memperolehi kemudahan air dari sumber awam dinasihatkan memohon kepada Jabatan Bekalan Air di negeri masing-masing.
- (ii) Estet-estet yang membekalkan elektrik dari sumber persendirian di mana waktu bekalan adalah terhad akan diminta dipertingkatkan bekalannya atau membuat permohonan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).
- (iii) Jabatan Buruh sedang menggubal satu Peraturan Bekalan Air ke estet-estet bagi menentukan bekalan air yang sedia ada di kawasan tersebut diperbaiki, dipertingkatkan atau diganti baru supaya bekalan air sentiasa terkawal baik dari segi kualiti atau kesihatan.
- (iv) Untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan penduduk di estet-estet, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan satu program pembiayaan kos projek bagi menyambung bekalan air dan elektrik daripada sumber-sumber awam ke rumah-rumah pekerja di estet. Bagi maksud ini, semua projek yang melibatkan perbelanjaan yang besar Kerajaan akan membantu majikan-majikan ladang dengan menyediakan bekalan-bekalan air

dan elektrik daripada sumber-sumber utama ke pinggir ladang bagi membolehkan penduduk ladang berkenaan menggunakannya.

- (v) Tindakan susulan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Buruh untuk memastikan bahawa majikan-majikan estet yang berkenaan mengambil tindakan sewajarnya untuk mematuhi kehendak undang-undang. Mereka akan diberi segala pertolongan dalam usaha mereka semasa berhubung dengan agensi-agensi berkenaan.
- (b) Setakat ini sebanyak 17 buah estet dan 2 buah lombong telah sempurna melaksanakan skim tersebut di mana sebanyak 7,332 unit rumah telah siap dibina. Sementara itu, 8 buah ladang dan sebuah lombong sedang melaksanakan skim masing-masing di mana sebanyak 1,741 unit rumah sedang dalam peringkat pembinaan.

Untuk mempergiat dan mempercepatkan pelaksanaan skim ini, beberapa tindakan seperti berikut telah diambil oleh Kementerian Sumber Manusia:

- (i) Satu Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan Mengenai Skim Pemilikan Rumah dan Penyediaan Kemudahan-kemudahan Asas Bagi Pekerja-pekerja Ladang dan Lombong yang dianggotai oleh wakil dari Kerajaan-kerajaan Negeri, Kementerian-kementerian dan Jabatan-

jabatan Persekutuan yang berkenaan serta wakil dari organisasi-organisasi majikan dan pekerja yang berkenaan telah ditubuhkan untuk membuat dasar dan keputusan muktamad bagi dilaksanakan.

- (ii) Di bawah Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan tersebut, satu Jawatankuasa Kecil Pelaksanaan ditubuhkan dengan ahli-ahli yang dianggotai oleh wakil dari Kerajaan-kerajaan Tempatan, Kementerian dan Jabatan-jabatan berkenaan serta wakil-wakil pertubuhan-pertubuhan majikan dan pekerja untuk melaksanakan segala dasar dan keputusan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan tersebut supaya pelaksanaan skim-skim dapat dijalankan dengan lancar dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkah Yang Berhormat?

Dato' M. Mahalingam: Lagi satu.

- (iii) Pegawai-pegawai dari Jabatan Buruh sentiasa mengesan perkembangan dalam pelaksanaan skim ini oleh majikan-majikan serta memberi bantuan dan khidmat nasihat yang diperlukan di samping mengesan majikan/pemilik-pemilik ladang untuk menyertai skim ini sebagai langkah jangka panjang mengatasi masalah yang meruncing iaitu penghijrahan tenaga kerja di ladang-ladang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tindakan yang telah diambil terhadap estet-estet yang ingin mengikuti piawaian-piawaian atau arahan yang disediakan oleh pihak Kementerian, dan berapakah estet-estet yang terlibat kerana semalam kita mendengar jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos bahawa Kerajaan kini membayar 1/3 daripada kos untuk menyambung bekalan elektrik pada estet-estet dan tuan punya ladang dikenakan membayar 1/3? Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian, sebagai satu contoh saya sebutkan tadi apakah tindakan yang akan diambil terhadap estet-estet yang enggan mengikuti arahan atau seperti yang saya sebutkan tadi membayar 1/3 kos untuk menyambung elektrik di ladang-ladang, kerana terdapat banyak ladang dan estet yang enggan memberikan kemudahan asas kepada penduduk ladang dan estet. Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia memang mengambil berat tentang pelaksanaan Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja, 1990 dikuatkuasakan pada 1hb Disember tahun lalu.

Akta ini mulai dikuatkuasakan pada 1hb Disember, 1990.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat pertanyaannya apakah tindakan-tindakan yang akan diambil kalau sekiranya tidak bayar 1/3 itu?

Dato' M. Mahalingam: Dalam memastikan pelaksanaan Akta ini, Tuan Yang di-Pertua, dua buah ladang

telahpun didakwa di mahkamah, salah satu di antaranya Ladang St. Andrew yang telah didakwa di Mahkamah Majistret, Kuala Selangor. Pihak estet didapati bersalah dan dikenakan denda sebanyak \$1,800 atas kegagalan membekalkan air paip dari rumah ke rumah pekerja ladang itu. Mahkamah juga mengenakan denda sebanyak \$100 ke atas pihak ladang bagi setiap hari sekiranya kesalahan itu berterusan sehingga ia melaksanakan sepenuhnya kehendak-kehendak di bawah Akta itu, membekal air paip dari JKR ke rumah-rumah pekerja ladang dan juga Ladang Triang di Pahang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kementerian Yang Berhormat mengistilah ataupun memberi tafsiran berhubung dengan estet? Adakah estet-estet yang dipunyai oleh syarikat Kerajaan ataupun agensi Kerajaan termasuk di bawah bidangkuasa Yang Berhormat, kalau ia ataupun tidak, siapakah yang bertanggungjawab untuk membantu estet-estet yang dipunyai oleh agensi Kerajaan seperti FELDA, RISDA dan sebagainya yang pada masa sekarang kita lihat dikawal oleh satu Kementerian yang terpaksa membahagi-bahagikan peruntukan sehinggalah ada kawasan FELDA yang sudah berusia 15 tahun tidak mempunyai bekalan air dan juga elektrik.

Baru-baru ini pihak Tenaga Nasional mengumumkan bahawa terdapat beberapa estet, saya terlupa jumlah estet yang diberi kemudahan bekalan elektrik 24 jam, tetapi ini tidak langsung diberi perhatian kepada estet-estet yang terbesar di negara ini yang dipunyai oleh FELDA, Tabung Haji, Guthrie dan sebagainya. Jadi, apakah tindakan Yang Berhormat kepada estet-estet ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan dari Yang Berhormat berkenaan, Kementerian

Sumber Manusia tidak ada kuasa mengambil tindakan ke atas estet-estet yang dipegang oleh FELDA dan lain-lain yang dipegang oleh Kementerian ataupun agensi Kerajaan—tidak ada kuasa.

CAPITAL CORP—LESEN NIAGA SAHAM

12. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan bila dan mengapa Tan Sri Basir Ismail dan Capital Corp telah diberikan lesen niaga saham (stockbroking) pada masa bila kesemua permohonan untuk lesen niaga saham yang lain telahpun dibekukan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Capital Corp Securities Sdn. Bhd. adalah 100% anak syarikat Kegiatan Makmur Sdn. Bhd. 80% daripada ekuiti Kegiatan Makmur adalah dimiliki oleh Tan Sri Basir Ismail.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Capital Corp Securities telah diberikan kelulusan lesen niaga saham pada 6hb Disember, 1990. Sebenarnya lesen niaga saham tersebut bukanlah lesen baru kerana ia menggantikan lesen niaga saham yang telah diberikan kepada Syarikat Broker Saham Tengku Yaacob & Company. Tengku Yaacob & Company telah dibatalkan keahliannya kerana tidak berdaya maju.

Tan Sri Basir tidak terlibat sama sekali dengan pengurusan Capital Corp Securities mahupun sebagai ahli Lembaga Pengarah ataupun sebagai Eksekutif. Di Petronas pula, Tan Sri Basir bin Ismail adalah Pengerusi bukan Eksekutif dan dia tidak terlibat dengan urusan harian syarikat tersebut. Peranan Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC) yang dipengerusikan oleh Tan Sri Basir adalah untuk memastikan

pasaran modal berjalan secara teratur dengan menimbang permohonan bagi terbitan-terbitan modal oleh syarikat-syarikat berhad. Kelulusan lesen niaga saham kepada Capital Corp Securities tidak melibatkan CIC atau Petronas.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, percanggahan kepentingan seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat tidak timbul sama sekali.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Oleh kerana ramai kaki-tangan kanan dan tinggi di Capital Corp Securities datang daripada BBMB Securities Bhd, adakah pihak yang berkuasa menimbang dimensi percanggahan-percanggahan ataupun conflict of interest dalam perkara ini khasnya apabila sudah ternyata adanya skandal saham sebanyak \$72 juta dalam BBMB Securities Bhd?

Kedua, adakah mereka yang sekarang berada di Capital Corp Securities pernah disiasat atas apa-apa kesalahan mengenai insider trading ataupun niaga dalaman?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mempunyai bukti-bukti tertentu berkaitan dengan mereka yang bekerja dengan Capital Corp Securities, maka bolehlah beliau membuat aduan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun dikatakan tidak ada percanggahan pemberian lesen kepada Capital Corp kerana lesen yang asalnya ialah kepunyaan Tengku Yaacob, tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah tidak mungkin ianya kerana keistimewaan, sebab apakah mungkin Kementerian melulus lesen baru jika ada ditarik atau jika ada orang lain memohon? Saya bertanya sedemikian

Tuan kerana nama Tan Sri Basir Ismail ini begitu istimewa, nampak seolah-olah apa sahaja diminta sentiasa diperolehi. Saya hendak mendapat penjelasan sahaja. Terima kasih.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, pemberian lesen niaga kepada Capital Corp Securities tidak berdasarkan sebarang keistimewaan yang dikatakan ada pada Yang Berbahgia Tan Sri Basir.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Nawawi Mat Awin.

Dr Nawawi bin Mat Awin: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 13, tetapi sebelum dijawab saya mohon dipinda kerana ada kesilapan cetak iaitu dengan memotong bahagian (d) yang serupa dengan bahagian (c).

EAST ASIA ECONOMIC GROUPING (EAEG)

13. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah kedudukan cadangan "East Asia Economic Grouping (EAEG)" sekarang;
- (b) mengenai EAEG, apakah pendirian
 - * ASEAN
 - * Jepun
 - * Amerika Syarikat
- (c) apakah tindakan yang sedang diambil untuk mendapatkan persetujuan yang diperlukan supaya EAEG menjadi kenyataan.

11.11.91

26. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan reaksi

Malaysia kepada pertentangan Amerika Syarikat kepada East Asia Economic Grouping (EAEG) yang dicadangkan oleh Malaysia.

13.11.91

1. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah kedudukan cadangan menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (KEAT);
- (b) setakat ini berapa negara yang menyatakan persetujuan atau penentangan terhadap konsep KEAT ini dan nyatakan mereka;
- (c) apakah pendirian negara Jepun sekarang dan sebab pendirian mereka;
- (d) berapa banyakkah negara yang mesti menyertai Kumpulan ini sebelum ia boleh berjaya; dan
- (e) adakah konsep KEAT akan digugurkan kalau tidak ada perkembangan dalam masa satu tahun lagi.

26.11.91

11. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, kalaulah pihak Kerajaan begitu bersungguh-sungguh sekali untuk merealisasikan penubuhan KEAT/EAEG, tidakkah pihak Kerajaan bercadang pula untuk menubuhkan GEDI (Gagasan Ekonomi Dunia Islam) dengan mengumpulkan negara-negara umat Islam serantau untuk kepentingan ekonomi bersama. Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil dan jika tidak, apakah halangan-halangannya dan sila nyatakan cara-cara untuk mengatasinya.

29.11.91

4. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Perdana Menteri menyatakan apakah alasan-alasan yang digunakan oleh Amerika Syarikat untuk menentang gagasan EAEG di masa ianya mula dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah sikap ini berubah apabila Vice President Don Quayle membuat kenyataan bahawa Amerika Syarikat hendak menjadi ahli EAEG. Negara-negara ASEAN manakah yang didakwa oleh Don Quayle sebagai menentang gagasan ini.

19.12.91

10. Tuan G. Palanivel minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah kemajuan yang dicapai dalam menjadikan cadangan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (East Asia Economic Group-EAEG) sebagai inisiatif ASEAN. Oleh kerana Amerika Syarikat adalah rakan dagangan utama Malaysia dan juga kawasan-kawasan lainnya, apakah langkah yang sedang dibuat untuk menentang bangkangan pihak Washington terhadap cadangan itu. Bolehkah konsep EAEG menjadi kenyataan walaupun dengan bangkangan kuat dari pihak Amerika Syarikat. Bolehkah cadangan tersebut diubahsuai supaya ianya dapat diterima oleh pihak Amerika Syarikat.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang Dipertua, saya memohon izin memberi jawapan kepada soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Jelutong pada 11 November 1991, Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 13 November 1991, Yang Berhormat dari Marang pada 26 November 1991, Yang Berhormat dari Padang Terap pada 29 November 1991 dan Yang Berhormat dari Hulu

Selangor pada 19 Disember tahun ini, memandangkan bahawa perkara yang dibangkitkan semuanya berkaitan, dengan izin, East Asia Economic Group—EAEG atau East Asia Economic Caucus.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melaporkan bahawa semasa Mesyuarat ke 23 Menteri-menteri Ekonomi ASEAN pada 7 hingga 8 Oktober 1991 di Kuala Lumpur, kata sepakat telah dicapai yang menggariskan pentingnya bagi ASEAN dan lain-lain ekonomi di Asia Timur untuk berunding secara tidak formal dalam satu forum atau, dengan izin, Caucus bagi membincangkan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan bersama berkaitan dengan kerjasama ekonomi perdagangan dan pelaburan. Dengan itu, Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah bersetuju untuk mengemukakan cadangan dengan izin, East Asia Economic Caucus bagi mendapat persetujuan Sidang Kemuncak ASEAN yang akan diadakan pada akhir Januari tahun hadapan di Singapura.

Saya ingin memaklumkan bahawa pertukaran nama daripada, dengan izin, East Asia Economic Group kepada, dengan izin, East Asia Economic Caucus adalah bertujuan untuk menyangkal salah angapan mengenai cadangan itu, khususnya dakwaan bahawa ianya akan merupakan kumpulan yang formal yang mempunyai struktur dan institusi tertentu dan yang dijangka akan berkembang sebagai satu blok perdagangan.

Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah berkesempatan menerangkan cadangan menubuhkan EAEC ini kepada Wakil Perdagangan Amerika Syarikat semasa bermesyuarat dengan beliau pada 9 Oktober 1991.

Tindakan lanjut untuk memberi penerangan mengenai EAEC kepada Amerika Syarikat, Jepun dan negara-negara lain dijangka dilakukan di peringkat ASEAN setelah cadangan menubuhkan EAEC mendapat pertimbangan Sidang Kemuncak ASEAN. Ini juga adalah selaras dengan pandangan awal negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan yang ingin mengetahui perkembangan ke atas cadangan ini dalam ASEAN sebelum memberi pandangan rasmi mengenai penyertaan mereka dalam forum ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat dari Marang sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan Gagasan Ekonomi Dunia Islam atau GEDI, saya ingin menjelaskan bahawa usaha telahpun dibuat dalam Pertubuhan Persidangan Islam, dengan izin, Organization of Islamic Conference bagi mengadakan projek dan program khusus bertujuan memaju dan mempertingkatkan kerjasama ekonomi, perdagangan dan pelaburan di kalangan negara-negara Islam. Malaysia menyertai program dan projek-projek tersebut baik dari awal perancangannya mahupun dalam pelaksanaannya. Kerajaan tidak bercadang melakukan sesuatu yang akan bertindih dengan persetujuan-persetujuan yang dicapai di kalangan negara-negara Islam di bidang ekonomi di OIC.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar menurut seorang Wakil Amerika Syarikat yang berada baru-baru ini di Kuala Lumpur iaitu Mrs. Hillis, Amerika Syarikat tetap tidak sokong konsep EAEC, ataupun EAEG kerana buat masa ini, rantau ini telah mengadakan grouping seperti Asia Pacific Grouping dan jika benar Amerika Syarikat tidak sokong konsep ini, adakah negara kita tetap juga mewujudkan EAEC ini?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada sidang akhbar bersama Menteri-menteri Ekonomi ASEAN dengan Wakil Perdagangan Amerika Syarikat iaitu Ambassador Carla Hills yang diadakan pada 9 Oktober 1991, beliau telah menyatakan bahawa dia mengadakan satu sikap yang positif terhadap pelaksanaan EAEC atau Caucus ini. Oleh kerana beliau mengatakan inilah satu perundingan, satu bidang, satu forum untuk berbincang, berbual dan berunding dan Amerika Syarikat sentiasa pegang kepada freedom of speech, dengan izin, dan oleh kerana itu, kita mesti diberikan freedom of speech, dengan izin, dalam EAEC ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.14 hingga 25 adalah diberi di bawah ini)

AKTA PENGAMBILAN TANAH— PELAKSANAAN

14. Tuan Wong Wing On minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan kenapa garis panduan pelaksanaan Akta Pengambilan Tanah yang telah dipinda masih belum diumumkan, dan sama ada Kerajaan sedia mengumumkannya. Jika ya, bila.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tuan Mohd. Noh bin Rajab): Garis panduan ini antara lain, menyediakan tatacara memproses pengambilanbalik tanah di bawah seksyen kecil 3(b), Akta Pengambilan Balik Tanah 1960. Ianya telah disediakan untuk memudahkan Kerajaan Negeri, Pentadbiran Tanah Negeri dan

Daerah melaksanakan urusan pengambiln tanah berikutan dengan pindaan seksyen kecil Akta tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum garis panduan ini digunakan oleh Kerajaan ianya telahpun dibincangkan dan dipersetujui di pelbagai peringkat. Garis panduan ini merupakan garis panduan pentadbiran dan tidak akan diumumkan seperti arahan-arahan pantadbiran lain.

PROGRAM TV—KAJIAN

15. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada pihak Kementerian berhasrat untuk membuat kajian menyeluruh tentang kesan TV terhadap pembentuk identiti kebangsaan, pembangunan, sosial, ekonomi dan pencapaian integrasi nasional.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Kementerian Penerangan memang menjalankan kajian-kajian terhadap sambutan program-program RTM secara khusus tetapi tidak ada membuat kajian menyeluruh tentang kesan TV dan belum bercadang melakukan sedemikian dan akan menjalankan kajian terus sekiranya dirasakan perlu.

Pada masa ini pihak Kementerian menerima berbagai maklumat timbal balas daripada penonton seluruh negara dan memberi teguran dari masa ke semasa di atas program-program yang dirasakan tidak sesuai untuk masyarakat. Menyakini di atas kebenaran menyeluruh daripada timbal balas yang diperolehi daripada masyarakat pihak Kementerian merasai ianya mencukupi untuk memberi gambaran kepadanya terhadap kesan-kesan TV pada pembentukan masyarakat.

LOJI NUKLEAR DAN SENJATA KIMIA IRAQ—PENYIASATAN

16. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian mengenai isu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memeriksa simpanan senjata-senjata Iraq.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tindakan PBB menghantar pasukan penyiasatannya membuat pemeriksaan ke atas loji-loji nuklear dan senjata-senjata kimia Iraq adalah berdasarkan Resolusi 707 (1991) yang telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan. Sebagai anggota PBB, Malaysia menerima keputusan tersebut.

LATIHAN BERSAMA TENTERA MALAYSIA—INDONESIA

17. Tuan Foo Kui Lun minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah sebab sebenar Angkatan Tentera Malaysia tidak melibatkan Angkatan Tentera Singapura dalam latihan bersama dengan Angkatan Bersenjata Republik Indonesia baru-baru ini sehingga mencetuskan kebimbangan dan ketegangan antara negara.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Latihan Bersama Angkatan Tentera Malaysia dan Angkatan Bersenjata Republik Indonesia pada 19hb Julai hingga 9hb Ogos, 1991 adalah satu latihan dua hala (bilateral) dilaksanakan di bawah kontek Jawatankuasa Am Sempadan (GBC) Malaysia/Indonesia di mana ianya tidak ada kaitan dengan Singapura atau mana-mana kumpulan atau pihak ketiga. Eksesais ini telah dirancang sebagai salah satu aktiviti GBC Malaysia-Indonesia tiga tahun sebelumnya lagi dan adalah dianggap sebagai perkara biasa (routine). Perkara ini tidak harus disangsikan oleh sesiapa. Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa Malaysia ada juga

membuat latihan dua hala dengan Singapura. Dari segi pemilihan kawasan latihan (latihan dilaksanakan di Johor), tempat yang dipilih adalah dibuat berasaskan kepada kesesuaian serta terdapatnya kemudahan-kemudahan latihan yang cukup. Kawasan ini juga yang telah tersedia diwartakan untuk tujuan ini.

PENYELUDUPAN DADAH DALAM PENJARA

18. Tuan Chor Chee Hueng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah tindakan berkesan akan diambil untuk mencegah najis dadah yang diseludup masuk ke dalam penjara; dan
- (b) sama ada kakitangan penjara terlibat, jikalau ya apakah tindakan terhadap kakitangannya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):

- (a) Pihak Berkuasa Penjara telahpun mengambil langkah-langkah tertentu yang sewajarnya untuk mengatasi masalah penyeludupan dadah ke dalam penjara. Antara langkah-langkah yang diambil ialah:
 - (i) mengadakan kerjasama rapat dengan Cawangan Anti Dadah Polis Di Raja Malaysia untuk mengumpul maklumat bertujuan untuk menangkap kakitangan penjara yang terlibat;
 - (ii) menggerakkan fungsi Unit Perancang atau Unit Operasi Anti Dadah dan Unit Keselamatan Penjara di peringkat Institusi Penjara dengan lebih giat dan berkesan

khususnya di dalam meningkatkan pemeriksaannya fizikal ke atas 4 golongan berikut:

- (a) pelawat dan ahli keluarga sahabat handai banduan yang melawat ke penjara;
- (b) banduan-banduan yang baru dimasukkan dalam penjara;
- (c) tahanan reman yang berulang kali menghadiri perbicaraan di Mahkamah;
- (d) Pegawai-pegawai Penjara yang disyaki melibatkan diri dalam pengedaran dadah.

Selain daripada usaha dan strategi di atas usaha-usaha berikut juga dilaksanakan:

- (a) melakukan pemeriksaan rapi barang-barang yang dibawa masuk ke penjara;
 - (b) menambah kakitangan untuk mengawal perjumpaan banduan.
 - (c) m e n g a d a k a n latihan dan kursus intensif di kalangan anggota penjara dari semasa ke semasa khususnya anggota Unit Keselamatan Penjara.
- (b) Memang tidak dapat dinafikan adanya segelintir kakitangan Jabatan Penjara yang terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah. Tindakan tegas mengikut

undang-undang dan tindakan tatatertib telah dan atau terus diambil ke atas mereka. Apabila disah dan dikenalpasti seramai 7 orang kakitangan telahpun dibuang kerja sejak tahun 1990 hingga tarikh ini.

PASARAN SAHAM—KELEMBAPAN

19. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) faktor-faktor bagi kelembapan pasaran saham dalam bulan-bulan kebelakangan ini. Sejauh manakah perkembangan dalam pasaran saham tempatan dipengaruhi oleh atau berbeza daripada pasaran saham asing? Adakah kelembapan itu hasil pengunduran pelabur tempatan atau pelaburan asing atau kedua-dua sekali;
- (b) di antara dua kumpulan ini, yang manakah telah menunjuk pengunduran paling hebat sekali di segi jumlah pelaburan serta aktiviti dalam pasaran saham. Apakah langkah-langkah yang Kerajaan boleh dan bercadang mengambil untuk memulihkan minat kumpulan masing-masing pada pasaran saham; dan
- (c) di segi pelaburan asing menerusi "fund managers", bolehkah Kerajaan mengesan jumlah pengurangan dalam pelaburan dalam bulan-bulan berkenaan berbanding dengan tempoh masa lima bulan pertama tahun ini. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan "foreign fund managers" kurang berminat dalam pasaran saham tempatan walaupun Kerajaan mendakwa keadaan ekonomi cerah dan stabil.

Tuan Mustapa bin Mohamed:

- (a) Selepas mencapai kemuncak paling tinggi pada paras 635.02 mata mengikut ukuran Indeks Komposit pada 29hb Mei, 1991, pasaran saham telah mengalami kelembapan sejak pertengahan bulan Jun tahun ini dengan kejatuhan harga-harga sebanyak 18.2% dalam jangka masa empat setengah bulan atau 114.55 mata kepada 514.99 mata pada 21hb Oktober, 1991. Beberapa faktor telah mengakibatkan kejatuhan ini, seperti isu-isu serta khabar-khabar angin berkaitan dengan dangangan dalaman, kebimbangan terhadap tekanan inflasi dan langkah-langkah yang diambil untuk mengetatkan kawalan kecairan bank-bank.

Keadaan pasaran saham juga dipengaruhi oleh keadaan pasaran saham luar negeri yang juga menghadapi kelembapan. Misalnya, skandal pampasan kepada pelanggan-pelanggan yang berlaku di Tokyo juga telah mendinginkan keadaan perdagangan di pasaran Tokyo.

Walau bagaimanapun, tidak terdapat tanda-tanda bahawa pengunduran secara besar-besaran telah berlaku di kalangan pelabur-pelabur asing. Apa yang berlaku ialah mereka mengambil sikap 'tunggu dan lihat'.

- (b) Kemasukan dan pengunduran pelabur-pelabur ke dalam dan dari pasaran adalah fenomena biasa yang sering berlaku dalam jangka pendek. Oleh yang demikian, soal mengesah kumpulan pelabur mana yang

membuat pengunduran paling hebat tidak berbangkit.

Mengenai langkah-langkah yang perlu diambil, ianya hendaklah dipandang dari aspek jangka panjang. Setiap dasar yang dirumuskan oleh Kerajaan yang melibatkan pasaran saham adalah bertujuan untuk memperkukuhkan lagi keyakinan jangka panjang pelabur-pelabur terhadap pasaran kita. Ini termasuk pelaksanaan sistem penyelesaian secara "book-entry" iaitu Sistem Depositori-depositori Pusat (Central Depository System) dan pengenalan instrumen-instrumen dagangan baru seperti opsyen saham.

- (c) Kerajaan tidak mempunyai statistik berkaitan dengan pelaburan yang dilakukan oleh Pengurus Tabung (Fund Managers) di pasaran saham. Pada masa ini adalah dirasakan tidak perlu untuk Kerajaan mengesan jumlah pengurangan atau pertambahan pelaburan mereka di pasaran. Seperti yang kita sedia maklum, kegiatan pelaburan oleh Pengurus Tabung adalah bermusim (seasonal). Ada masanya Pengurus Tabung mesti mengambil sikap tunggu dan lihat selepas pergerakan pasaran telah mencapai satu tahap tertentu. Tindakan mereka mengambil pendirian sedemikian tidaklah bermakna bahawa mereka tidak mempunyai keyakinan terhadap kestabilan atau prestasi ekonomi kita. Ini adalah strategi biasa yang diamalkan oleh mereka dan tidak harus dikaitkan dengan ekonomi negara.

WAWASAN 2020— PERANCANGAN

20. **Dr Sanusi bin Daeng Mariok** minta Perdana Menteri menjelaskan sama ada kemungkinan para ulama diturut-sertakan dalam merancang gagasan Wawasan 2020 dan pelaksanaannya.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Semua pihak termasuk para ulama adalah berkewajipan untuk ikut serta membuat perancangan bagi pencapaian Wawasan 2020, dan semua sektor masyarakat mempunyai peranan dalam pelaksanaan rancangan-rancangan bagi mencapai wawasan itu.

(Soalan No.21. Sila lihat jawapan No. 6)

BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH— PENGAJARAN

22. **Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Pendidikan menyatakan punca-punca yang memperlemahkan bahasa Inggeris pada hari yang lalu sambil memerlukan Menteri sendiri kena pergi ke England untuk mencari jalan untuk meningkatkan mutu pembelajaran dan pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah negara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara punca kelemahan pelajar dalam matapelajaran Bahasa Inggeris adalah kerana kurang penggunaan atau amalan berbahasa tersebut di kalangan pelajar-pelajar sama ada di kawasan sekolah mahupun di luar kawasan sekolah. Penggunaan atau amalan berbahasa yang kerap akan dapat meningkatkan kecekapan berbahasa kerana kecekapan berbahasa bergantung rapat kepada kekerapan penggunaannya. Menyedari hakikat tersebut Kementerian Pendidikan telah berusaha untuk menggalakkan pelajar-

pelajar menggunakan bahasa Inggeris dengan seluasnya di sekolah-sekolah melalui kegiatan-kegiatan ko-kurikulum seperti mengadakan drama, syarahan dan bercerita dalam bahasa Inggeris. Di samping itu, kekurangan guru terlatih dalam pelajaran bahasa Inggeris juga merupakan salah satu daripada punca kurang penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar.

Sehubungan itu tujuan Yang Berhormat Menteri Pendidikan ke United Kingdom adalah untuk berbincang mengenai program bersama Kementerian Pendidikan dengan universiti-universiti di United Kingdom bagi melatih Guru-guru Bahasa Inggeris. Adalah diharapkan perbincangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Pegawai-pegawai Tertinggi Kementerian Pendidikan bersama universiti-universiti berkenaan akan dapat mewujudkan satu dasar baru berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran bahasa Inggeris.

SUBSIDI BAJA PADI DI KELANTAN

23. **Tuan Sukri bin Haji Mohamed** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa jumlah peruntukan subsidi baja padi bagi negeri Kelantan bagi Rancangan Malaysia Keenam;
- (b) mengapakah pemberian baja padi diberi melalui KADA dan siapakah yang berhak menerima subsidi; dan
- (c) apakah bantuan subsidi baja padi akan diteruskan jika rakyat Kelantan tidak mengundi Barisan Nasional.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Pertanyaan ini telah dijawab pada 22hb Oktober, 1991 bersama-sama dengan pertanyaan Ahli

Yang Berhormat dari Kota Bharu. Oleh yang demikian saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan awal.

EKONOMI ORANG MELAYU DI KUALA LUMPUR

24. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau puashati di atas prestasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di dalam mempertingkatkan ekonomi orang-orang Melayu semasa tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru 1970-1990. Apakah kejayaan-kejayaan dan pencapaian yang dapat dibanggakan di dalam tempoh tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Pihak Kerajaan berpuashati di atas prestasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam mempertingkatkan ekonomi orang Melayu dalam tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Tahun 1970-1990. Di dalam tempoh tersebut, banyak kejayaan yang telah dicapai. Di antaranya ialah:

- (a) proses perbandaran yang pesat telah menarik orang Melayu berhijrah ke bandar dan peratusannya meningkat daripada lebih kurang 25% dalam tahun 1970 menjadi 33% pada tahun 1990 dan dijangka meningkat sekitar 40% daripada jumlah keseluruhan penduduk di Kuala Lumpur dalam tahun 2000;
- (b) sektor penjaja dan perniagaan kecil telah banyak memberi peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan kepada orang Melayu. Sektor ini telah berkembang dengan pesatnya dari segi penjaja berlesen di mana pada tahun 1970 peratus orang

Melayu ialah 4.4% daripada jumlah penjaja seramai lebih kurang 6,000 orang telah meningkat menjadi 17% tahun 1980 (jumlah penjaja 15,000 orang) dan terus meningkat kepada 36% pada tahun 1991 (jumlah penjaja 34,500 orang). Program Penempatan Semula Penjaja-Penjaja ke komplek-komplek perniagaan dan ruang niaga yang lebih kekal telah dijayakan dengan bersungguh-sungguh;

- (c) keutamaan kepada kontraktor bumiputera diberikan bagi tender-tender kerja dan pembekalan sehingga mendapati 85% daripada nilai tender yang dikeluarkan pada setiap tahun;
- (d) DBKL telah membina lebih kurang 34,000 rumah-rumah perumahan awam kos rendah bagi menempatkan golongan berpendapatan rendah dan setinggan di mana lebih kurang sekitar 60% peruntukan rumah-rumah itu diberi kepada bumiputera dalam usaha mengimbangkan struktur kaum di Kuala Lumpur;
- (e) DBKL telah melancarkan Skim Pembangunan Tanah Bumiputera dengan modal permulaan \$5 juta yang bertujuan untuk meningkatkan nilai harta tanah dan ekonomi peminjam. Usaha ini akan diteruskan melalui pembangunan secara lebih komprehensif seperti pembangunan semula kampung baru dan kampung-kampung tradisi di Wilayah Persekutuan; dan
- (f) syarat-syarat perancangan bangunan-bangunan kediaman dan ruang-ruang niaga telah dikenakan kepada pemaju-pemaju supaya memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% daripada unit-unit tersebut

kepada bumiputera dan mensyaratkan sekurang-kurangnya 30% juga daripada pembangunan perumahan dalam bentuk rumah-rumah kos rendah bagi menempatkan golongan-golongan berpendapatan rendah.

BANDAR KEBUDAYAAN CINA

25. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada pihak MCA telah mengemukakan pelan cadangan "Kota Cina" untuk pertimbangan kelulusan Menteri. Jika ya, apa keputusan dan ulasan Menteri.

Dato' Chan Kong Choy: Pendirian Kerajaan Pusat mengenai rancangan MCA untuk membina Bandar Kebudayaan Cina (Chinese Culture City) telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana parti tersebut telah diminta untuk mengkaji semula projek berkenaan demi kepentingan negara. Perkara ini hendaklah diselesaikan melalui semangat perpaduan dan perbincangan dengan parti-parti politik dalam Barisan Nasional. Cara demikian akan mengelakkan kesan-kesan negatif dari segi perpaduan negara, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan tuntutan-tuntutan kaum lain di Malaysia.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

SIDANG DAMAI ASIA BARAT

3.35 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): Assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya dimaklumkan, saya ingin memberi Pemberitahu Bersurat di bawah Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat 18, mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan dengan tujuan merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Usul saya berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengizinkan Ahli dari Marang untuk mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan bagi tujuan merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan yakni mendesak Kerajaan Persekutuan bertindak segera menghalang apa yang dikatakan Sidang Damai Asia Barat yang akan diadakan pada 30 Oktober 1991 ini di Madrid, Sepanyol dan mengkaji segala implikasinya terhadap perjuangan membebaskan Palestin dan Baitul Mukaddis serta mengambil sikap dan pendirian dalam menanggapinya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani implikasi daripada apa yang dinamakan Sidang Damai tersebut, maka Usul ini mengajak Dewan Rakyat yang bersidang pada hari ini, 24 Oktober 1991 bersamaan dengan 16 Rabiul Akhir 1412 Hijrah untuk memutuskan saranan 5 perkara berikut:

- (1) Mengisytiharkan bantahan dan penentangan terhadap apa yang dinamakan Sidang Damai Asia Barat yang ditaja bersama oleh Amerika Syarikat dan Soviet Union pada 30 Oktober 1991 di Madrid, Sepanyol.
- (2) Menggesa negara-negara umat Islam dan rakyat Palestin memulau dan membantah Sidang Damai yang meragukan itu.

- (3) Menggesa Kerajaan Malaysia bertindak segera memanggil sidang tergempar Pertubuhan Negara-negara Umat Islam (OIC) untuk membincangkan persoalan dan masa hadapan Palestin dan Baitul Mukaddis.
- (4) Mempertegaskan sokongan terhadap intifadah dan perjuangan pembebasan wilayah-wilayah yang diduduki oleh regim zionis Israel dan pengiktirafan terhadap kewujudan semula negara Palestin.
- (5) Menentang dengan tegas sebarang usaha dan langkah penyelesaian kepada permasalahan Asia Barat yang menyeret kepada pengiktirafan dan pengukuhan negara Arab Israel.

Jika sidang tersebut tidak dihalanginya pasti memusnahkan usaha pembebasan kota suci Baitul Mukaddis dan pembentukan negara Palestin yang ditaklukkan oleh negara haram Israel. Ianya adalah satu serangan baru ke atas seluruh perjuangan umat Palestin dan di samping ianya mengukuhkan kedudukan negara haram Israel.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen Kawasan Marang pagi ini. Teks Usul Yang Berhormat itu adalah seperti yang dibacakan olehnya sebentar tadi.

Untuk membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuashati bahawa perkara yang dibangkitkan itu memenuhi tiga

syarat iaitu: satu, perkara itu tertentu, dua, ia bagi kepentingan orang ramai dan tiga, ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara yang dibangkitkan itu dan saya berpendapat bahawa:

Tertentu. Pada fikiran saya perkara ini bukanlah perkara yang tertentu iaitu Persidangan itu akan berakhir dengan penyerahan tanah-tanah Arab pada Palestin seperti yang ditekankan di dalam Usul ini. Sebaliknya Kerajaan negara-negara Arab melalui Persidangan ini hendak berunding mengambil balik tanah mereka yang telah dirampas itu.

Kepentingan orang ramai. Saya bersetuju bahawa perkara ini adalah bagi kepentingan orang ramai.

Perlu atau tidak disegerakan, saya tidak bersetuju perkara ini perlu disegerakan perbincangannya sehingga menangguhkan Mesyuarat hari ini dengan kerana:

- (i) Persidangan Damai itu telahpun dipersetujui oleh negara-negara Arab yang berjiran dengan Israel iaitu Jordan, Lebanon dan Syria;
- (ii) Persidangan ini telahpun mendapat sokongan kesemua masyarakat antarabangsa termasuk negara-negara Arab, OIC, Pergerakan Negara-negara Berkecuali, Gulf Countries Council dan kuasa-kuasa besar dunia; dan
- (iii) sikap Malaysia sendiri adalah kuat menyokong dasar untuk menyelesaikan apa-apa masalah melalui cara persidangan.

Oleh yang demikian, saya menolak usul Ahli Yang Berhormat itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN TANAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (23hb Oktober, 1991)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, sila sambung.

3.42 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya menyentuh mengenai nilai saham dan juga bentuk kemudahan kewangan yang akan disediakan oleh Kerajaan untuk membolehkan peneroka membeli saham. Perkara lain dalam sistem syarikat ladang ialah sekian lama ini kami tidak pernah diberitahu apakah sukatan gaji yang akan disediakan oleh FELDA kepada peneroka atau pekerja biasa.

Adakah FELDA akan mengikuti Sukatan Ladang Komersial atau menjadikan diri model kepada sektor swasta menawarkan sukatan gaji yang lebih menarik dan lumayan? Yang kami tahu ialah perumahan dan caruman kepada KWSP dan PERKESO akan disediakan untuk pekerja, dan peneroka pula mesti berkerja sehingga tanaman berhasil iaitu lima tahun bagi kelapa sawit dan tujuh tahun bagi getah. Pulangan adalah diberi dalam bentuk dividen dan ini akan pula dipengaruhi oleh tingkat harga komoditi. Pekerja-pekerja juga perlu menyumbang kepada pembelian saham syarikat untuk kira-kira 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, jika peneroka perlu berkerja untuk 10 tahun bagi memperolehi saham, maka adakah ini

bermakna dalam tempoh masa itu bonus atau mungkin dividen peneroka mesti dilabur balik ke dalam syarikat? Adakah ini di antara satu syarat yang ditetapkan oleh syarikat ladang? Bagaimanakah FELDA menentukan bilangan unit saham yang harus diperolehi oleh seseorang peneroka? Maka memandangkan had milikan ekuiti ditetapkan kepada 49%, adakah ia juga bermakna sebaik sahaja milikan peneroka keseluruhan mencapai ke tahap ini, mereka tidak lagi dibenarkan melabur walaupun mereka bersedia untuk terus membuat pelaburan. Di samping itu, dianggarkan peneroka perlu mengambil kira-kira masa 10 tahun untuk memperolehi saham syarikat. Adakah sukatan gaji yang disediakan sebegitu rendah sekali sehingga ia tidak memungkinkan peneroka memperolehi saham pada kadar yang lebih cepat atau adakah harga seunit saham itu sebegitu tinggi sehinggakan ia akan memerlukan kira-kira 10 tahun bagi setiap orang peneroka untuk mencapai hakmilik keseluruhan 49%?

Oleh yang demikian, kami berharap pihak Kerajaan boleh mengumumkan butir-butir yang selanjutnya mengenai sukatan gaji terutama sekali di antara skim-skim berlainan dan tahap gaji minimum yang ditetapkan kerana sukatan gaji inilah yang merupakan faktor yang utama yang tidak dapat diterima oleh setengah-setengah peneroka.

Berkenaan dengan peneroka berkerja sebagai pekerja biasa di bawah skim syarikat ladang, kami perlu menjangkau satu lagi aspek, iaitu kekurangan tenaga kerja yang merupakan masalah terbesar di skim-skim FELDA. Malah menurut Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 14hb Julai tahun ini, Kerajaan mengambil keputusan untuk tidak membuka lagi tanah rancangan baru kerana menghadapi kekurangan tenaga pekerja daripada penduduk

tempat. Langkah ini dipercayai boleh menyekat kemasukan buruh asing yang bertambah ramai di sektor perladangan. Setakat ini, kira-kira 20,000 orang buruh asing telah diambil bekerja di sektor perladangan. Kami tidak mengetahui peratusan buruh asing ini yang telah diberi permit ataupun sebahagian besar yang masih bekerja secara haram. Ini pelik juga, iaitu agensi Kerajaan yang mengambil pekerja haram!

Soalan kami ialah, apakah kemungkinan Kerajaan akan mengubah pendirian dan mengupah tenaga asing di bawah skim syarikat ladang terutama sekali apabila tersangat kekurangan tenaga buruh? Adakah tenaga buruh asing ini diberi peluang untuk memiliki saham dalam syarikat ladang? Adakah mereka ini akan menerima sukatan gaji yang sama seperti peneroka tempatan kerana kedua-dua kumpulan ini adalah sama-sama pekerja biasa dalam skim itu. Yang kami bimbang ialah Kerajaan akan menggunakan alasan bahawa rakyat tidak berminat untuk menceburi sektor perladangan untuk mengisi kekosongan dalam ladang dengan tenaga pekerja asing, maka mengurangkan lagi kepentingan peneroka tempatan dalam skim ini. Tindakan sebegini bukan mustahil berlaku malah besar kemungkinan akan berlaku apabila kekurangan tenaga buruh tempatan menjadi terdesak dan demi survival syarikat, dengan izin, Kerajaan akan mengupah pekerja asing. Ini adalah satu masalah yang mesti diawasi dan dikawal dengan rapi.

Oleh itu, Kerajaan juga perlu memberi pertimbangan serius kepada kemungkinan tersebut dan jika boleh membuat satu rancangan jangka panjang menawar skim ganjaran serta insentif-insentif yang lebih menarik kepada rakyat supaya masalah kekurangan tenaga pekerja tidak timbul kerana masalah kekurangan tenaga pekerja ini akan ini berterusan dan mungkin akan bertambah buruk.

Tuan Yang di-Pertua, masih pada soal gaji yang diberi kepada peneroka sebagai pekerja biasa serta dividen selepas tanaman berhasil. Kami sedar bahawa pada tahun lepas, keluaran FELDA bernilai \$1.2 bilion berbanding dengan tahun 1989 \$1.5 bilion, iaitu menurun sedikit. Kesemua 13 perbadanan FELDA pula memperoleh pendapatan \$2.7 bilion dengan keuntungan sebelum cukai \$94.4 juta. Apakah pula keuntungan selepas cukai dikenakan? Di samping itu, 8 projek usahasama menambah pendapatan daripada \$544.1 juta untuk tahun 1989 kepada \$670.4 juta dengan keuntungan sebelum cukai \$44.6 juta. Bagi tahun 1989 pula, \$32.6 juta. Apakah pula keuntungan selepas cukai bagi projek-projek ini?

Yang amat penting bagi Kerajaan untuk memberitahu kami trend keuntungan selepas cukai yang diperolehi oleh FELDA supaya kami mendapat pengesyoran yang dividen akan diberi kepada peneroka. Kerana ada kalangan peneroka yang membuat rungutan dan sungutan bahawa butiran-butiran seperti ini tidak diberitahu kepada mereka. Mereka takut dividen tidak dibayar kepada mereka. Kami juga ingin tahu unjuran keuntungan....

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, adakah Ahli Yang Berhormat dari Kepong sedar bahawa satu-satu corporation itu yang ditubuh adalah bebas dari pembayaran cukai.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah itu Yang Berhormat Timbalan Menteri? Perbadanan-Perbadanan dan projek-projek usaha sama FELDA ini tidak payah

membayar cukai. Adakah ini bermakna dengan skim perladangan yang akan dicadangkan ataupun telah dicadangkan dan dilaksanakan itu tidak payah membayar cukai langsung? Itukah maksud Yang Berhormat dari Padang Terap itu? Memang, dengan pokok Terap itu tidak payah bayar cukai....

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Terap bangun pula.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksud ialah apa yang ditunjuk di dalam Laporan FELDA ialah keuntungan oleh FELDA Corporation. Jadi di dalam pengetahuan umum, mana-mana corporation yang ditubuh adalah dibebaskan daripada pembayaran cukai. Jadi soalan daripada Yang Berhormat daripada Kepong itu tidak relevant. Tidak perlu disoal. Tidak payah bayar cukai.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak payah langsung, Tuan Yang di-Pertua? Saya hairan juga kerana usaha-usaha untuk menswatakan, usaha-usaha untuk skim perladangan dan sebagainya semua tidak payah bayar cukai. Tentulah hairan juga saya. Untung tidak bayar cukai. Itulah satu amalan dan tabiat Barisan Nasional yang buruk itu.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak faham. Syarikat sendirian berhad—bayar cukai. Syarikat corporation memang tidak bayar cukai. C - O - R - P - O - R - A - T - I - O - N — corporation, tidak payah bayar cukai. (*Ketawa*) Syarikat sendirian berhad memang kena bayar cukai.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah laman projek yang saya

sebutkan tadi di bawah kategori yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila teruskan. Tidak payahlah bertanya.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak payah?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah. Cukuplah.

Dr Tan Seng Giaw: Kami ingin tahu unjuran keuntungan yang akan dicapai selepas Skim Syarikat Ladang dilaksanakan. Sama ada Skim Syarikat Ladang ini akan bayar cukai ataupun sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap kalau kita adakan skim banyak mana pun, tidak payah bayar cukai. Untung sahaja. Adakah keuntungan dan seterusnya dividen yang akan diterima oleh peneroka akan bertambah di bawah Skim Syarikat Ladang atau sebaliknya?

Tuan Yang di-Pertua, kami juga tahu bahawa kos pentadbiran tahunan bernilai kira-kira \$150 juta di mana \$100 juta adalah sumbangan Kerajaan Persekutuan. Di bawah Skim Syarikat Ladang, adakah kos pentadbiran masih akan menerima sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan? Setahu kami di bawah Rancangan Malaysia Keenam, anggaran peruntukan sebanyak \$1.7 billion disediakan iaitu \$707.8 juta bagi pembangunan pertanian, \$400.1 juta bagi pembinaan jalan, \$200 juta bagi pembekalan air dan \$299.4 juta bagi gaji dan perbelanjaan pentadbiran.

Jelas sekali jika kos pentadbiran tahunan FELDA ialah \$150 juta, wang \$299.4 juta yang disediakan bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam, iaitu jangka masa 4 tahun, sudah tentu tidak mencukupi. Itu pun kalau Kerajaan menyumbang hanya \$100 juta setiap tahun, peruntukan Rancangan

Malaysia Keenam seharusnya \$400 juta. Maka adakah ini bermakna seluruh kos pentadbiran akan ditanggung oleh syarikat ladang sendiri sebaik sahaja skim itu telah dilancarkan? Jika tidak, apakah rancangan Kerajaan terhadap mengurangkan kos tanggungan pentadbiran dalam FELDA di bawah Skim Syarikat Ladang sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keenam? Apakah jumlah anggaran hasil yang mesti diperolehi di bawah Skim Syarikat Ladang untuk menampung semua perbelanjaan kos pentadbiran, pembinaan jalan, pembekalan air serta pembangunan pertanian? Difahamkan bahawa peneroka di bawah skim hanya menyumbang kepada kos pembangunan.

Apakah jenis-jenis kos pembangunan yang dimaksudkan di sini semata-mata kos pembangunan pertanian atau termasuk pembinaan jalan, pembekalan air, perumahan atau mungkin juga kos pentadbiran?

Seterusnya bagaimanakah Skim Syarikat Ladang boleh menyumbang kepada pengurangan kos pentadbiran. Apakah unjuran kurangan kos pentadbiran yang mungkin terlaksana di bawah skim ini berbanding dengan skim lama?

Tuan Yang di-Pertua, kami faham bahawa di bawah Skim Syarikat Ladang, potongan juga dibuat daripada perolehan hasil untuk dengan izin, quit rent, yuran menanam semula dan surveying selain daripada kos pembangunan. Bagaimanakah potongan-potongan atau kenaikan bayaran ini berbeza daripada potongan-potongan yang tersedia ada, sama ada di segi kuantiti bayaran, jenis bayaran dan cara bayaran? Bagaimanakah kos pembangunan akan dikira bagi setiap orang peneroka memandangkan masing-masing mungkin memiliki saham yang tidak sama rata atau adakah milikan saham akan sama rata

di kalangan peneroka? Kononnya projek pertama, Tuan Yang di-Pertua, di bawah Skim Syarikat Ladang akan dilancarkan di Selendang Dua dan di Selancar Enam. Kedua-dua ini adalah di Rompin, Pahang Tenggara. Bagi projek di Selancar Enam, projek dikatakan akan melibatkan 150 orang peneroka dan 5000 ekar tanah tanaman kelapa sawit. Bagaimana pula dengan projek di Selendang Dua?

Tuan Yang di-Pertua, amalan yang dibuat oleh pihak Kementerian ini ialah diadakan rancangan dulu kemudian bawa Rang Undang-undang kepada Dewan Rakyat. Itulah tabiat biasa.

Difahamkan bahawa pekerja-pekerja telah ditemuduga untuk projek-projek ini. Bolehkah Kerajaan memberitahu kami bilangan orang yang ditemuduga pada keseluruhannya memandangkan usahapun telah dibuat. Bagaimanakah pilihan calon berjaya dibuat? Apakah bilangan/peratusan mengikut kaum, kumpulan-kumpulan peneroka yang berjaya? Bukankah Kerajaan telah berjanji dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (OPP2) dan juga dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk mengimbangi penyertaan bukan bumiputera di bidang-bidang di mana mereka adalah, dengan izin, under-represented. Kami tahu sektor perladangan khususnya skim FELDA adalah salah satu sektor ekonomi di mana penglibatan bukan bumiputera adalah under-represented. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan lagi penyertaan kaum bukan bumiputera dalam skim FELDA?

Selain itu, daripada kumpulan peneroka di bawah Skim Syarikat Ladang, apakah bilangan atau peratusan mereka yang terdiri daripada peneroka lama? Bagi peneroka-peneroka lama ini apakah saham yang berjaya dimiliki mereka akibat pindahan hutang tanah serta duit yang sudah dibayar di bawah skim lama?

Apakah peratusan kepentingan mereka ini dalam syarikat? Apakah nilai modal yang dicadangkan bagi syarikat dan secara berasingan bagi projek di Selendang Dua?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali kami ingin tahu apakah bentuk-bentuk kebajikan serta faedah yang boleh diperolehi oleh peneroka mahupun tanggungan mereka. Apakah saham-saham atau kepentingannya akan dipindah secara automatik kepada balu peneroka atau apabila isteri peneroka yang sudah meninggalkan keluarganya? Di bawah skim lama sering kedengaran kaum perempuan yang melabur paling banyak tenaga, masa dan titik peluh ke dalam tanah FELDA suami mereka dan apabila suami itu mengabaikan keluarga atau meninggal, kaum perempuan ini tidak diberi hak milik tanah yang dikerjakan dan sebaliknya terpaksa keluar daripada skim. Ini menunjukkan sikap Kementerian mengenai wanita di dalam skim FELDA. Sekarang dengan Skim Syarikat Ladang yang dicadangkan ini, adakah sikap lama ini akan berterusan mengenai wanita di dalam skim FELDA yang senantiasa ditindas dan dieksploitasikan? Saya nampak kaum wanita yang paling rajin di dalam sekim FELDA. Kalau begitu, apakah usaha Kerajaan untuk memperbetulkan keadaan yang tidak adil, yang tidak saksama dan yang tidak memelihara hak-hak asasi wanita. Saya mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya pihak Kementerian mengkaji semula.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila menuju ke sini, kerusi di sini. Sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ada sesetengah Ahli-ahli di sini yang tidak mengambil berat mengenai kedudukan dan status

wanita di dalam negara ini. (*Disampuk*) Kalau benar-benar memelihara hak wanita, maka semasa saya membincangkan perkara yang begitu penting ini mereka sepatutnya senyap dan diam. Saya tidak mahu berucap lagi kalau begitu.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Arau bangun. Hendak minta apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak berucap as the next speaker, Tuan Yang di-Pertua, sebab dia tidak mahu cakap lagi. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Belum sampai giliran lagi, Yang Berhormat. Yang Berhormat Kepong, teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Mereka tidak mengambil berat mengenai status wanita. Tengok bising sahaja. Di dalam Dewan yang mulia ini tidak boleh buat bising. Saya hendak mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya mengkaji semula kedudukan kaum wanita di dalam skim FELDA sama ada wujudnya keadilan, sama ada wujudnya kesaksamaan, sama ada wujudnya amalan penindasan ataupun eksploitasi. Kalau ada, memang satu langkah yang positif terpaksa diambil oleh pihak Kementerian untuk memperbaiki, untuk memperbetulkan keadaan yang tidak diinginkan, kerana saya nampak kuasa wanita sedang meningkat walaupun ada sesetengah Ahli Parlimen tidak mengambil kira.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan?

Dr Tan Seng Giaw: Boleh.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam): Saya dengar dari ucapan Yang Berhormat tadi tentang kononnya Kerajaan kita menindas kaum wanita. Saya hendak bertanya Yang Berhormat. Kalau begitu caranya, saya hendak tahu berapakah jumlah calon-calon wanita yang diletakkan oleh DAP di dalam pilihanraya yang lalu? Saya hendak tahu yang itu.

Dr Tan Seng Giaw: Memang tidak ada ramai calon. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Sebab ada di setengah-setengah kawasan itu, oleh kerana pihak Barisan Nasional tidak memberi peluang kepada wanita dan ada sesetengahnya yang tidak berjaya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kepong, teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali kita bangkitkan kedudukan status wanita di dalam skim FELDA. Itu tidak diminati. Batu Berendam tidak berminat langsung di dalam hal seperti ini. Mungkin di dalam kawasan Batu Berendam tidak ada FELDA.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Batu Berendam bangun lagi.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta penjelasan. Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang ada katakan tidak ada calon wanita yang diletakkan, melainkan isteri beliau yang bertanding sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor. Saya hendak tahu tadi berapa

jumlah calon-calon wanita yang DAP letak. Kalau betul tidak hendak menindas wanita, mengapa peratusan calon itu kurang sangat kalau dibandingkan dengan Barisan Nasional di mana kita meletakkan ramai calon-calon wanita. Kalau hendak cakap fasal penindasan, kerana Dewan ini merupakan Dewan yang membuat segala keputusan, ini penting. Menyentuh masalah penindasan ini, saya rasa Kerajaan sentiasa memberi berbagai pertolongan dan sebagainya kepada wanita. Janganlah hendak kata Batu Berendam tidak ada FELDA, memanglah Batu Berendam tidak ada FELDA, macam Kepong jugalah, kita mengaku—tetapi kita ada skim FELCRA dan sebagainya. Kepong belum ada lagi itu semua.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali kita bahaskan mengenai FELDA dan bolehkah dia memberi peratusan mengenai penyertaan wanita di dalam Barisan Nasional semasa pilihanraya.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Kalau hendak penjelasan itu, saya boleh beri. Saya rasa wanita yang diletakkan ialah lebih daripada 30% calon-calon itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu, hendak minta penjelasan atau hendak memberi penjelasan?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tidak, dia minta saya memberi penjelasan, saya jawablah, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu tidak dibenarkan, melainkan kalau Batu Berendam hendak minta penjelasan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tak apalah, sudah saya jawab pun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya cadangkan tadi, Kementerian perlulah mengkaji semula mengenai status wanita di dalam FELDA dan kemudian mengambil langkah yang positif untuk memperbaiki keadaannya. Tuan Yang di-Pertua, semenjak semalam saya telah

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mulanya hendak biarkan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, tetapi saya hendak tanya dia sedikit. Yang dimaksudkan status wanita di dalam FELDA itu, apa dia. Apa dia yang dimaksudkan status itu? Jadi saya ingin tahu apa dia?

Dr Tan Seng Giaw: Misalannya, di bawah skim lama, sering kedengaran kaum perempuan yang melabur paling banyak tenaga, masa dan titik peluh ke dalam skim tanah FELDA suami mereka dan apabila suami tidak ada lagi kaum wanita ini tidak diberi hak milik tanah yang dikerjakan dan dikeluarkan daripada skim.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini adalah tuduhan yang melulu. Jadi, saya minta Yang Berhormat dari Kepong janganlah memanjang-manjangkan perkara ini supaya kita dengar jawapan dari Menteri. Dalam jawapan Menteri saya pasti apa yang Timbalan Menteri menjawab nanti akan membuktikan bahawa Yang Berhormat adalah bukan bercakap melalui pemikiran yang waras tetapi hanya sentimen rhetoric sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak akhiri ucapan saya untuk mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tetapi dia kacau sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan sahaja, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Akhir sekali, saya telahpun bangkitkan beberapa perkara mengenai Skim Syarikat Ladang dan sebagainya yang memang akan menjadi satu faktor yang utama di dalam skim FELDA. Dengan berkembangnya dengan pesat syarikat-syarikat yang dimiliki FELDA sehingga pelaburannya yang berbilion-bilion ringgit, memang kita perlulah mengkaji dengan teliti accountability-nya terutamanya mengenai bagaimana pengurusan dan penyertaan peneroka-peneroka di dalam skim-skim yang disebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

4.10 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bersama-sama dengan rakan-rakan lain untuk membahaskan Akta Kemajuan Tanah (Pindaan) 1991 berhubung dengan Lembaga Kemajuan Tanah.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali kita ingin menyebut di sini bahawa dengan terpindanya Akta ini sekaligus kita boleh mengatakan bahawa gergasi sudah turun ke padang sebab kita dapati FELDA merupakan tuanpunya ladang yang terbesar di negara ini, mempunyai tenaga kerja yang terbesar dalam negara ini dan mempunyai modal yang terbesar sekali dalam negara ini. Jadi, apabila ianya telah dapat masuk ke pasaran terbuka melalui penubuhan syarikat ini, ianya merupakan salah satu daripada gergasi dan merupakan gergasi terbesar yang turun ke padang yang masuk ke pasaran terbuka. Jadi kemasukan tiap-tiap gergasi ini akan mendatangkan kesan-kesan baik dan juga kesan-kesan tidak baik bagi kedua-dua belah pihak yang saya akan elaborate, dengan izin, dalam bahagian kedua nanti.

Yang pertama saya ingin bertanya dan juga mempersoalkan sedikit berhubung dengan kedudukan pindaan ini. Kita dapati sebelum pindaan ini ada dua bentuk setakat yang saya dimaklumkan, saya tidak mahu buat tuduhan seperti DAP sebab saya tidak mempunyai fakta yang jelas. Yang pertamanya kita ada FELDA, yang keduanya kita ada Perbadanan FELDA dan Perbadanan FELDA di bawahnya mempunyai anak-anak syarikat yang besar yang juga mempunyai modal yang besar dan juga mempunyai keuntungan yang besar di mana kita lihat hasil daripada usahaniaga yang dibuat oleh perbadanan ini akhirnya telah dicampurkan masuk ke FELDA dan akhirnya dapat dikeluarkan dividen dan sebagainya. Di antara syarikat-syarikat yang besar yang kita selalu nampak ialah seperti FELDA Niaga, FELDA Angkut dan sebagainya dan juga mereka mempunyai ekuiti dalam syarikat-syarikat yang besar seperti syarikat perkapalan dan lain-lain lagi. Jadi, persoalan saya sekarang ini dengan perubahan pindaan Akta ini, ini membolehkan FELDA menubuhkan syarikat, Syarikat Perladangan FELDA sebagai contoh. Tetapi sebelum Akta ini ditubuhkan kita dapati FELDA telahpun memulakan aktiviti-aktivitinya bercorak ke arah ini yang mana dibolehkan oleh Akta. Sebagai contohnya, ladang yang pertama yang mengamalkan sistem syarikat ini ialah yang dibuat di Perlis yang pertama dalam negara ini iaitu FELDA Chuping yang mengelolakan ladang tebu dan juga syarikat kilang tebu yang mempunyai ekuiti syer dengan Gula Perlis.

Jadi, kalau sekiranya FELDA dibenarkan di bawah Akta untuk membuka ladang ala syarikat yang mana peneroka-peneroka ataupun pekerja-pekerjanya diberi saham. Mereka ini tidak mempunyai title atau hakmilik tetapi mereka diberi dalam bentuk saham dan tidak ada garis yang menunjukkan bahawa mereka

mempunyai hak di atas lot-lot tertentu walaupun ianya termasuk di bawah GSA tetapi mereka ini mempunyai saham. Inilah yang pertama sekali yang dijalankan di negara ini di mana ianya boleh dibuat melalui Akta yang berkenaan. Kalau boleh, mengapa harus dipinda Akta ini untuk membolehkan kita membuka ladang-ladang yang baru? Itu soalan saya yang saya tak faham, saya ingin bertanya.

Yang keduanya, ada beberapa perkara yang sehubungan dengan Ahli dari Kepong sebutkan tadi tetapi ianya dalam bentuk yang mengkritik dengan secara tidak membina, tetapi saya ingin bertanya dengan secara membina dan sedikit kritikan. Kita dapati apabila syarikat perladangan ini ditubuhkan, saya mendapat makluman lebih daripada 1,700 kakitangan FELDA yang ada sekarang akan diserapkan masuk ke dalam syarikat ini. Jadi, kita hendak tahu berapa banyak ladang yang akan dibuka dan sejauh manakah gaji 1,700 orang pekerja-pekerja ini akan ditanggung oleh syarikat-syarikat ataupun kawasan-kawasan perladangan baru yang akan dibuka. Kalau sekiranya kawasan perladangan baru itu dibuka, katakan setahun tiga, adakah ianya mesti menanggung kos pentadbiran sebanyak 1,700 orang dan mungkin lebih selepas ini dan dicampur ianya menjadi hutang balik kepada peneroka yang mereka akan menghadapi masalah untuk membayar hutang mereka nanti ataupun ianya akan ditolakkan kos operasi yang menyebabkan dividen ataupun keuntungan mereka itu akan berkurangan.

Saya juga mendapat makluman dan ini saya ingin bertanya apakah apabila kita membenarkan FELDA untuk menubuhkan syarikat, adakah tiap-tiap ladang yang ditubuhkan itu ianya adalah sebuah syarikat sendirian berhad? Ini persoalan teknikal yang kita ingin bertanya dan mendapat

penjelasan kerana kalau ini merupakan syarikat sendirian berhad dan syarikat ini juga boleh membuat aktiviti-aktiviti sebagaimana di bawah pindaan 2(c) yang mana "sky is the limit", maknanya dia boleh buat apa sahaja untuk membolehkan syarikat ini mendapat keuntungan, bukan sahaja berhubung dengan pertanian, ia juga boleh membuat industri dan juga lain-lain economy activities, dengan izin.

Jadi, syarikat sendirian berhad ini ataupun ladang baru yang dibuka ini sejauh mana hubungan ia harus menanggung kos di pihak syarikat perladangan sendiri ataupun ianya tidak dibuka syarikat baru tetapi ianya dimasukkan semuanya di bawah syarikat perladangan yang besar yang berada di Kuala Lumpur. Ini persoalan-persoalan yang saya ingat harus diambil kira kerana di akhirnya kita takut berlaku pada masa yang lepas di mana apabila peneroka sudah membayar sampai 15 tahun ataupun 20 tahun, rupa-rupanya perkiraan diambil juga kos operasi kakitangan FELDA itu sendiri.

Jadi, dengan penjelasan yang nyata dan terang ini kita akan mendapat satu gambaran yang jelas untuk membolehkan peneroka-peneroka baru ataupun mereka yang baru terlibat dengan syarikat ini boleh menjamin masa depan mereka dan dalam masa yang sama mereka boleh bertindak dengan lebih luas lagi dalam economy activities dengan tidak ada pengantungan yang begitu besar kepada syarikat induk tadi.

Kemudian yang berikutnya, saya juga inginkan penjelasan, saya dimaklumkan bahawa ini hanya terlibat bagi skim yang baru dan ianya mesti dilibatkan semua peneroka. Kalau begitu, saya percaya bahawa dengan kita mengambil kira masalah kos operasi tadi, saya pasti bahawa syarikat ataupun pembukaan ladang baru ini sudah pasti akan dapat menandingi

ladang-ladang FELDA yang lama yang telahpun kita keluarkan title. Bagi saya, ada baik dan ada tidak baiknya title ini secara individu dan dalam keadaan tertentu dia memang boleh menandingi kerana dia boleh melibatkan dalam semua sekali economy activities. Dia boleh buka agro-based industry dan macam-macam lagi, di akhirnya dia akan mendapat keuntungan lebih daripada peneroka-peneroka yang sudah lama berada dalam FELDA. Jadi persoalan yang timbul sekarang, kalau ini berlaku maka peneroka-peneroka yang lama sebagaimana biasa, ini menjadi lumrah alam menganggap bahawa mereka juga ingin masuk di bawah sistem syarikat yang baru.

Saya dimaklumkan bahawa dalam hala-cara baru ini semua peneroka mesti dilibatkan, tetapi bagaimana kalau sekiranya skim lama itu ingin melibatkan diri dengan hala-cara baru ini hanya 80% sahaja yang ingin melibatkan diri, lagi 20% tidak mahu melibatkan diri. Yang tidak mahu melibatkan diri itu seorang duduk di hujung kampung, seorang di tengah kampung, jadi akhirnya dia tidak boleh disatukan. Oleh kerana sekarang ini kita telahpun mula, saya mendapat gambaran di sini bahawa tiap-tiap tahun lebih daripada 10,000 individual title dikeluarkan kepada peneroka-peneroka yang mana ianya akan menghadapi masalah.

Jadi, adakah FELDA mengambilkira perkara-perkara ini untuk membolehkan kalau sekiranya ada skim-skim lama yang berminat untuk menyertai syarikat perladangan ini, mereka diambilkira supaya penyertaan mereka ini bukan lagi dalam bentuk ladang secara keseluruhan, tetapi dalam bentuk saham di mana tanah mereka ini dinilai semula oleh kerana mereka sudah mempunyai individual title, tanah dinilai semula dan mereka mencagarkan tanah ini dalam bentuk saham kepada syarikat perladangan ini dan kemungkinan baki wangnya itu

boleh didapatkan balik. Jadi, saya minta supaya perkara ini ditimbang dan diambilkira untuk membolehkan FELDA atau syarikat baru ini akan lebih mendatangkan kesan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita membuat dan melaksanakan apa-apa sistem baru, perkara yang pertama yang harus diberi perhatian ialah tentang masalah basic peneroka-peneroka FELDA. Tadi, dalam soalan tambahan saya telah bertanya dan Timbalan Menteri telah menjawab bahawa Kementerian Sumber Manusia tidak terlibat dengan ladang-ladang yang dipunyai oleh FELDA dan FELDA pula termasuk di bawah Kementerian ini dan di bawah Kementerian yang berkenaan ia terpaksa berkongsi dengan agensi-agensi lain untuk projek-projek asas, projek jalan, projek bekalan elektrik dan juga air, termasuk pusat riadah dan sebagainya.

Saya tidak mahu membandingkan dengan Perlis sebab saya rasa FELDA di Perlis di antara yang terbaik di Malaysia walaupun ia baru, tetapi ia telah mempunyai segala kemudahan asas termasuk jalan tar, elektrik, air dan sebagainya, tetapi adakah boleh FELDA-FELDA yang lebih lama daripada Perlis ini diberi kemudahan asas ini? Ini yang merupakan perkara utama dan perkara pokok yang selalu dibincangkan dan mengapakah Kementerian Sumber Manusia ini tidak melibatkan ladang FELDA? Apakah ladang FELDA bila telah menjadi syarikat nanti ia menjadi syarikat perladangan, FELDA ini boleh dimasukkan di bawah Kementerian yang berkenaan dari segi perkara-perkara kemudahan asas?

Kalau kita sedia maklum, ini adalah masalah kemanusiaan, kalau sekiranya kita dapat selesaikan masalah kemudahan asas mereka, sekurang-kurangnya perkara-perkara lain yang sampingan itu dapat dikurangkan, tetapi kalau sekiranya perkara-perkara

asas, ada kawasan FELDA yang sudah 15 tahun dibuka tidak mempunyai bekalan elektrik, ada 15 tahun dibuka tidak mempunyai bekalan air dan juga jalan tanah merah sampai sekarang. Jadi, kita minta supaya ini diselesaikan terlebih dahulu sebelum mereka masuk ke bidang yang lebih besar dan lebih mencabar.

Yang keduanya, rakan saya dari Padang Terap semalam telah menyebut fasal generasi kedua dan juga ketiga. Saya percaya lepas ini dia ada generasi yang keempat sebab saya tengok generasi yang kedua sudah pun berkahwin dan dapat generasi yang ketiga. Dengar cerita, generasi yang ketiga pun sudah mula berkahwin, maka dia akan mendapat cicit, generasi yang keempat. Ini merupakan masalah pokok yang ada hubungkait dengan perkara-perkara yang lepas.

Saya amat sedih apabila sahabat saya dari Padang Terap semalam menyebutkan bahawa kawasan FELDA Lubok Merbau di kawasannya, anak-anak muda generasi kedua ini ramai terlibat dengan perkara-perkara jenayah dan juga penagihan dadah. Di antara sebab utama yang diberikan, oleh kerana perkara-perkara kemudahan asas ini amat kekurangan untuk membolehkan anak-anak muda ini melepaskan perasaan mereka di tempat-tempat yang sepatutnya dilepaskan. Yang terlampau kuat boleh kita ajak main bola, naik gunung dan sebagainya, tetapi perkara-perkara asas ini tidak dapat dibuat oleh kerana FELDA sendiri saya dengar cerita, saya mendapat gambaran tadi bahawa ada setengahnya macam masjid diberi melalui FELDA, balai raya dan juga jalan dibuat melalui Kementerian. Jadi, perkara ini tidak diselaraskan. Kita minta supaya perkara ini diselaraskan dan kita tidak boleh meletakkan agensi yang besar macam ini dikongsikan dengan agensi yang besar yang lain di bawah satu Kementerian oleh kerana ia akan menampakkan satu peruntukan

yang terlampau besar ataupun boleh kita ambilkira supaya Kementerian Sumber Manusia ini juga dapat cover, dengan izin, FELDA sebagai salah sebuah daripada ladang dan juga akan mengambilkira ladang-ladang baru yang akan dibuka oleh FELDA nanti.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan masalah-masalah yang timbul tadi, di samping yang telah saya cadangkan tadi, saya ingin mencadangkan cadangan balas kepada FELDA dan juga kepada syarikat yang baru yang akan ditubuhkan nanti, tetapi sebelum itu oleh kerana tadi ada soal wanita disebutkan dan kita tidak mahu Kerajaan Barisan Nasional dituduh, walaupun kitalah orang yang paling adil sekali kepada wanita dibandingkan dengan DAP, tetapi kita tidak mahu dituduh secara melulu.

Saya mendapat maklumat bahawa yang menjadi waris kepada tuan peneroka ini ialah isterinya dan tidak pula anak-anaknya. Tetapi kita harus ingat bahawa yang disebutkan wanita ini kita tidak dapat lari dari wanita, dia mesti pergi dengan anak sebab yang melahirkan anak ini wanita. Jadi, ini bersesuaian dengan Undang-undang Islam supaya wanita dan juga anak-anak itu tidak diasingkan.

Jadi, soalan yang kedua saya ingin bertanya, katalah hanya diberi kepada isterinya, apa hal kalau isteri mati dan suami ini berkahwin dengan isteri yang baru, adakah isteri yang baru ini mempunyai hak kepada tanah ini dan tidak anak-anak isteri yang lama? Ini saya ingat di antara persoalan-persoalan yang boleh ditambah, tetapi kita hendak tunjukkan di sini bahawa keadilan telahpun diberi, cuma keadilan ini diberi semasa FELDA dibuka itu dimasukkan hanya wanita sebab pada masa ia mula dibuka, masa itu setengahnya ramai yang baru kahwin dan tidak ada anak, jadi mungkin mereka lupa tentang anak.

Tetapi sekarang ini sudah berkahwin, beranak, bercucu semua, jadi sudah banyak. Jadi sekarang ini perlu difikirkan masalah anak.

Jadi, apabila timbul masalah anak, timbul masalah generasi yang kedua. Generasi yang kedua ini saya mencadangkan supaya latihan yang cukup diberikan kepada mereka dan juga pihak Kerajaan dicadangkan supaya mengadakan tempat-tempat riadah yang mencukupi di kawasan FELDA dan FELDA seperti rakan saya sebut semalam, supaya mereka tidak dikongkongkan yang FELDA ini orang kata geng FELDA sahaja. FELDA mesti masuk sebagai satu masyarakat Malaysia, bukannya FELDA ini FELDA, yang ini tidak, tak boleh! Ia mesti dimasukkan sebagai salah satu daripada rakyat Malaysia yang berhak menerima kemudahan-kemudahan yang lain dan FELDA juga mesti membenarkan orang luar menggunakan kemudahan-kemudahan dalaman.

Jadi, ke arah tersebut, amat pentinglah generasi kedua ini jangan ditimbangan dalam bentuk yang dia sebagai anak peneroka FELDA sahaja, tetapi ditimbangan sebagai generasi rakyat Malaysia yang kedua, itu lebih mudah. Dengan itu segala training, segala kemudahan-kemudahan dapat ditimbangan dan dengan itu mereka tidak akan menjadi masalah utama kepada pihak FELDA.

Saya ingin mencadangkan dua tiga perkara berhubung dengan bentuk pewarisan ini dan ini bolehlah Yang Berhormat Menteri fikirkan. Ini cuma setakat cadangan saya. Kita mencadangkan supaya pewaris diberi hak tanah dengan secara saham, tetapi oleh kerana Kerajaan sekarang telahpun membuat polisi supaya hakmilik dikeluarkan, saya mencadangkan supaya hakmilik ini dapat dinilai dan diberi dalam bentuk saham, terutamanya apabila syarikat perladangan ini hendak ditubuhkan.

Begitu juga pewaris yang lain, sebab ini mungkin akan diambilkira dalam bentuk anak-anak dan juga isterinya tadi, akan diberi syer mereka setelah ditolak upahan kepada pewaris yang mengerjakan tanah tersebut. Sekiranya tanah itu diuruskan dengan secara estet, maka syer pewaris akan mengikut proportion syer mereka dalam pegangan keseluruhan.

Kemudian, kita juga mencadangkan supaya dalam kes-kes di mana pewaris tidak dapat mencapai persetujuan berhubung dengan sistem pewaris tadi, syer mereka kita cadangkan dipegang oleh satu Lembaga Amanah FELDA yang mungkin boleh bertindak sebagai Pemegang Amanah Raya yang akan memutuskan pembahagian syer dan hasil kepada pewaris.

Mana-mana pewaris boleh membeli syer—ini cadangan saya, yang dipegang oleh pewaris yang lain dan nilai akan dibuat oleh Lembaga Pemegang Amanah FELDA. FELDA juga, saya ingin mencadangkan, diberikan hak untuk membeli syer pewaris sekiranya timbul keperluan dengan nilai yang dibuat oleh Lembaga Pemegang Amanah FELDA. Untuk menentukan nilai harga hendaklah diambilkira keluasan tanah, umur tanaman dan lain-lain lagi.

Saya juga ingin mencadangkan supaya Syarikat Perladangan FELDA yang akan ditubuhkan nanti—sekarang ini pun telah dibuat di bawah perbadanan FELDA, di mana perbadanan telah membeli ekuiti dalam syarikat-syarikat yang besar seperti syarikat perkapalan dan sebagainya—saya mencadangkan supaya syarikat perladangan ini dalam keadaan tertentu, oleh sebab kita dapati bahawa akan tiba masanya bahawa syarikat ini juga akan menghadapi masalah kewangan, dibenarkan—di sini di bawah Akta ini dibenarkan, dengan secepat mungkin untuk mengambilkira

usahasama dengan syarikat-syarikat ladang yang besar seperti Guthrie, Tabung Haji dan sebagainya. Jadi, peneroka-peneroka yang terlibat mungkin diambilkira berdasarkan saham FELDA sahaja ataupun, kalau sekiranya syarikat yang menjadi usahasama, kita membenarkan supaya peneroka itu diambil di pihak FELDA dengan mengira beberapa soal teknikal dari segi keuntungan, soal penyertaan dan sebagainya. Dengan cara ini, saya percaya Syarikat Perladangan FELDA ini akan dengan lebih cepat masuk dan menyertai skim pembukaan tanah ini dan dengan itu sepertimana saya sebutkan tadi, soal untuk menanggung kos operasi berhubung dengan 1,700 orang pegawai-pegawai yang dimasukkan kepada syarikat ini dapat diselesaikan.

Jadi, saya juga ingin mencadangkan, dan kawan-kawan saya telahpun sebut semalam bahawa sudah sampai masanya bagi FELDA, sebagai satu entity perniagaan memikirkan soal perniagaan ini dengan cara yang serius, dan kakitangan-kakitangan ini diberi latihan ke arah usaha-usaha perniagaan dan dengan sekaligus menolak ataupun cuba mengeneipkan soal-soal birokratik, soal-soal peraturan dalam Kerajaan dan sebagainya untuk membolehkan mereka bergerak dengan lebih cergas lagi dalam bidang ini. Dan kita minta kegiatan-kegiatan sosial, pendidikan dan lain lagi ini diteruskan oleh pihak FELDA yang tidak terlibat dengan Syarikat Perladangan. Dengan ini kita percaya syarikat ini akan dapat menumpukan kepada soal-soal perniagaan sepenuhnya dan soal-soal sosial diberi perhatian oleh pihak FELDA sendiri yang tidak terlibat dengan syarikat induk yang berkenaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan menyokong pindaan Akta ini dengan sedikit penjelasan terutamanya berhubung dengan mengapakah sebelum Akta ini dipinda pun perladangan-perladangan

yang berbentuk ala-saham, ala-syarikat ini telah dapat dibenarkan sebagaimana yang telah diberikan kelonggaran kepada pembukaan ladang tebu di Perlis. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Parit.

4.34 ptg.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut membincangkan Akta (Pindaan) Ordinan Kemajuan Tanah 1956. Ini merupakan satu usaha positif Kerajaan Barisan Nasional ke arah penglibatan rakyat secara total dalam Syarikat Perladangan FELDA yang terbesar di dunia ini. Ini merupakan penglibatan rakyat secara sepenuhnya dalam urusan pentadbiran ladang dan juga aktiviti harian syarikat dari masa ke semasa. Saya mengucapkan syabas kerana ini merupakan persediaan ke arah mencapai matlamat kita bersama menuju Wawasan 2020.

Sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi, adalah begitu cetek perbincangannya dalam pengurusan ladang, yang mana saya rasa ini adalah usaha yang murni yang diuruskan oleh rakyat untuk rakyat. Dan ini mempunyai makna yang begitu mendalam bagi rakyat yang melibatkan diri mereka dalam pengurusan ladang itu sendiri. Inilah sebabnya saya kata bahawa pandangan Yang Berhormat dari Kepong tadi adalah begitu cetek, oleh sebab semua kawalan ini adalah merupakan gabungan rakyat dan juga pakar dalam perladangan. Oleh yang demikian, tidak timbul dari segi kenaikan kos dan semua ini adalah dikawal dengan baik. Diambilkira pandangan daripada rakyat dan juga diambilkira pandangan daripada pakar. Jadi, lebih sempurna, lebih baik dengan adanya hala-cara yang baru ini.

Selain daripada itu, bukan sahaja dengan pindaan yang baru ini menghadkan dalam pengurusan dan pentadbiran ladang, tetapi lebih daripada itu. Peserta-peserta ladang dengan secara tidak langsung bukan sahaja melibatkan diri dari sudut pengeluaran hasil kelapa sawit, getah ataupun koko dan lain-lain, tetapi lebih daripada itu dapat mengawal kredit, processing, dapat juga bersama dalam marketing dan seterusnya sehinggalah dimakan.

Selain daripada itu, diambilkira juga soal sosial peserta-peserta sebagaimana yang saya kata tadi, dengan penglibatan mereka sendiri dalam pengurusan ladang itu sendiri. Kita juga ambilkira peluasan kawasan di bawah pindaan ini yang melibatkan pula peserta-peserta secara tidak langsung dalam partnership, joint-venture dan juga pelaburan dalam mana-mana badan yang difikirkan perlu dilabur untuk meraih keuntungan yang lebih luas bukan sahaja dalam bidang pertanian tetapi juga dalam bidang-bidang lain yang difikirkan menguntungkan peserta.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa langkah Kementerian meminda Akta Ordinan Kemajuan Tanah 1956 ini adalah satu langkah yang positif ke arah pengembelian tenaga pakar dan juga rakyat demi untuk kesejahteraan rakyat keseluruhannya dan bukannya sebagaimana yang dilaung-laungkan oleh khususnya Yang Berhormat dari Kepong tadi. Itu adalah perkara-perkara remeh-temeh yang melibatkan wanita yang membuang masa, tidak ada masalah sepatutnya benda-benda yang serupa itu yang sepatutnya dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya mengharapkan supaya pihak Pembangkang lebih positif, lebih berpandangan jauh dan lebih

menyediakan diri ke arah Wawasan 2020. Kalau tidak, pihak Pembangkang sentiasa dalam ketinggalan dan juga kemelesetan.

Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Maran.

4.38 *ptg.*

Dato' Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membincangkan bersama mengenai Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, mana-mana negara yang mahukan kepada kemajuan mestilah sanggup membuat perubahan, kerana perubahan itu jugalah menentukan kemajuan. Maka sebab itulah negara kita juga yang mahukan negara yang maju, mestilah kita sanggup membuat beberapa perubahan. Tetapi mana-mana negara yang tidak sanggup membuat apa-apa perubahan dengan hanya menggunakan cara-cara lama dari segi pemerintahan dan juga apa-apa aktiviti, maka sudah barang tentu sebuah negara itu amat sukar hendak mendapat kemajuan dan menjadi negara yang maju.

Sesuai dengan Wawasan 2020 yang kita mahukan bahawa negara kita ini menjadi sebuah negara yang maju, maka tepat sekalilah pindaan Undang-undang ini dibuat, kerana kita berhasrat untuk menjadikan rakyat kita, rakyat yang maju dan juga untuk menjadikan negara kita, negara yang maju dalam Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak bayangkan di sini ialah, dalam masalah kita mengadakan sistem

FELDA ini, sama ada sistem lama dan baru, baru-baru ini Kerajaan telah membuat satu kenyataan yang mana Kerajaan akan menyatukan beberapa agensi yang berasaskan pertanian seperti FELCRA, FELDA dan juga RISDA. Jadi macam manakah kesudahan akhirnya perkara-perkara yang kita laksanakan ini, sama ada kita boleh selaraskan satu badan bagi memajukan pertanian ini ataupun bagaimana kedudukannya?

Saya ingin mencadangkan supaya dalam kajian kita untuk menyatukan beberapa agensi yang saya nyatakan tadi, mestilah mengambilkira supaya tidak mengelirukan peserta-peserta yang terlibat dan juga rakyat. Kerana kalau kita ada kelainan di antara fungsi yang dijalankan oleh FELCRA, FELDA dan juga RISDA sedangkan kita menumpukan kepada pertanian sudah barang tentu akan menyusahkan rakyat. Jadi sebab itu kita mesti selaraskan, kalau boleh apa sahaja yang kita buat mestilah mempunyai persamaan, sama ada dari segi menggunakan kos menanam semula dan sebagainya, mestilah ada persamaan. Kalau tidak mereka akan membuat bermacam-macam pilihan sehinggakan kita menjadi sukar. Sebab itu hasrat Kerajaan untuk menyatukan agensi ini adalah baik, tetapi sepatutnya fungsi dan tugas yang dibuat itu mestilah diselaraskan benar-benar memberi kemudahan kepada rakyat kita seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dahulu pernah menyuarakan semasa kita mahu membuat perundangan sistem baru ini, iaitu saya menyuarakan mengenai dengan masalah pekerja yang kita ambil itu, kerana pekerja-pekerja ini makin hari, makin tua. Jadi bagaimanakah kedudukan mereka apabila mereka sudah tua, yang tidak sanggup lagi bekerja di ladang-ladang yang kita sediakan ini, sedangkan kita tidak memberi hakmilik dan sebagainya.

Yang saya cadangkan ialah supaya kita beri pilihan sama ada mereka mahu tinggal di ladang itu, kita beri hakmilik tempat tinggal ataupun rumah. Kerana kalau mereka ada anak, maka rumah itu boleh diduduki oleh anak-anak mereka, dan anak-anak mereka ini akan menjadi pekerja di dalam ladang yang kita buka ini. Jadi ada berterusan, kalau tidak, kita tidak dapat menentukan di mana mereka akan ditempatkan apabila mereka telah tidak digunakan lagi untuk bekerja di ladang-ladang yang kita usahakan itu. Sebab itulah kita mesti mengambil satu keputusan yang tegas supaya kita membuatkan pilihan sedemikian rupa, supaya mereka terjamin dapat tinggal di ladang. Walaupun mereka tidak memiliki ladang itu sendiri, tetapi mereka boleh memiliki tempat tinggal ataupun rumah-rumah di ladang itu yang menjadi hak mereka, milik mereka dan boleh digunakan oleh anak cucu mereka. Kalau sekiranya mereka tidak ada waris lagi, rumah itu boleh dijual kepada orang lain, supaya orang lain boleh tinggal di rumah dan boleh bekerja di ladang-ladang yang kita sediakan itu. Kalau ini kita sediakan bererti kita akan memberikan penerusan supaya mereka tinggal di tanah-tanah tempat tinggal mereka yang diberikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sudah barang tentu apabila kita membuat peladangan yang baru ini, kita juga akan menyediakan beberapa kilang. Kalau sekiranya ladang ini kita tanam dengan kelapa sawit, sudah tentu kita akan mengadakan kilang-kilang kelapa sawit. Jadi kita mestilah membuat kajian yang sesuai dari semasa ke semasa, kerana kadangkala kilang kita ini tidak tahan lama ataupun mungkin kilang yang sudah tidak sesuai dipakai lagi, fesyennya sudah lama "out of date", dengan izin. Jadi, apabila kita mendirikan kilang mestilah kita menentukan jenis mesin-mesin yang baru, yang sesuai. Kalaulah sekiranya kilang itu kilang kelapa sawit,

kadangkala kilang itu harganya mahal, tetapi tidak boleh mengeluarkan perahan minyak yang tinggi, kadangkala ada berbeza di antara sebuah kilang dengan kilang yang lain. Oleh itu mustahaklah kita menentukan kilang-kilang yang baik mutunya, yang dari semasa ke semasa dengan mutu kilang yang baik itu boleh menghasilkan minyak kelapa sawit ataupun getah yang digunakan di ladang-ladang kita ini kelak yang betul-betul bermutu.

Selain daripada itu sudah barang tentu kita memberi peluang kepada mereka untuk bergiat, selain daripada mereka ada saham, mereka juga boleh bergiat di dalam bidang ekonomi yang lain. Maka sudah barang tentu pihak FELDA mestilah memberikan perhatian kepada peserta-peserta kita untuk kemudahan mereka di dalam rancangan yang kita laksanakan itu.

Kebelakangan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi kekurangan tenaga buruh, sedangkan kita hendak melaksanakan sistem ini juga, kita perlu kepada buruh. Jadi bagaimana untuk mengatasi masalah buruh ini? Apakah kita akan mengambil buruh-buruh dari luar, kerana kalau tidak ada buruh dari luar sudah barang tentu kita tidak boleh menghasilkan ataupun menggunakan ladang-ladang kita itu? Maka perkara ini perlu kita ambil perhatian, sebab itulah kita mesti memberi imbalan yang baik, ganjaran yang baik kepada buruh-buruh kita supaya mereka mahu bekerja di ladang-ladang kita. Kalau tidak ladang kita tidak ada siapa yang boleh mengusahakan, tidak ada buruh, maka sudah barang tentu kita tidak boleh mendapat hasil daripada ladang yang kita laksanakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada saya hendak sebutkan mengenai sistem yang baru ini, kedapatan juga ladang FELDA sistem lama yang mana ada di antara peserta-

peserta ini apabila mereka mendapat hak milik tanah, mereka kadangkala tidak mahu kepada FELDA lagi untuk menjalankan pengurusan ke atas ladang hak milik mereka. Oleh sebab itu kita mestilah memberikan penerangan yang jelas kepada mereka dari segi untung dan ruginya kalau ladang mereka tidak diusahakan oleh FELDA.

Saya tidak nampak kebaikannya kalau sekiranya seorang peserta untuk menjayakan 10 ekar tanah dengan menanam kelapa sawit dibuat dengan sendiri, kerana ini akan memakan belanja yang besar, sebab itu perlu cara yang diuruskan oleh satu pengurusan yang baik dan juga kita perlu kepada kerjasama, sebab apabila dibuat dengan serentak tanah-tanah itu, kosnya mungkin rendah. Tetapi kalau sekiranya mereka melaksanakan tanah mereka bersendirian, sudah barang tentu memakan belanja yang besar. Tetapi apa yang terdapat sekarang mereka membayangkan apabila mereka mendapat hakmilik, mereka mahu menjayakan tanah mereka itu bersendirian, tetapi kalau ini mereka laksanakan maka jadilah bagaimana kampung-kampung lama yang dahulu, kita telah melupakan tanah kepada penduduk kampung lama dengan tanah yang luas, kadangkala 10 ekar lebih, tetapi mereka tidak boleh menjayakan tanah itu kerana mereka tidak berupaya dan berlakulah tanah terbiar. Jadi kalau kita serahkan kepada mereka bagi menguruskan ladang-ladang mereka maka saya nampak FELDA kita sekarang ini dan di masa akan datang kebanyakannya akan menjadi tanah yang terbiar dan akan berlakulah tanah terbiar yang lebih luas lagi daripada sekarang.

Sebab itulah kita mestilah beri penjelasan yang lebih baik, penerangan yang baik kepada peserta-peserta FELDA supaya mereka membenarkan kita membuat kerja untuk ladang-ladang mereka. Kalau tidak, akan tinggallah tanah-tanah mereka ini

menjadi tanah terbiar sebagaimana berlaku tanah-tanah terbiar yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga kedapatan di dalam FELDA sebab di kawasan saya lebih daripada 26 Rancangan FELDA. Sudah barang tentu berbagai masalah yang dihadapi tetapi yang kedapatan sekarang yang ketara sekali ialah masalah belia-belia—generasi yang kedua. Bukan sahaja mereka kadangkala kurang minat bekerja dengan pertanian tetapi mereka juga telah bermacam-macam keadaan berlaku. Di antaranya apabila mereka tidak bekerja dengan ladang pertanian, mereka tidak ada kerja-kerja yang lain. Sebab itu saya membayangkan supaya selain daripada kilang-kilang kita buat di bandar-bandar, perlulah pihak FELDA mengadakan kerjasama dengan pengusaha-pengusaha dan Kementerian-Kementerian yang berkaitan untuk membina kilang-kilang di dalam rancangan FELDA terutama sekali di FELDA-FELDA sistem lama kerana mereka boleh membuat pilihan untuk bekerja di kilang-kilang yang dibuat di rancangan-rancangan FELDA, di tempat tanah-tanah yang sesuai yang ada bagi membina kilang-kilang ini. Jadi, kita boleh mengatasi masalah supaya mereka ada melibatkan kerja.

Selain daripada itu, saya juga pernah menyarankan bahawa memanglah di antara tempat yang selalu menghadapi masalah penagihan dadah ini ialah di rancangan-rancangan sendiri. Sebenarnya apabila kita membuat kemudahan asas, kita mengadakan jalan raya dan sebagainya, kadangkala disalahgunakan. Di antaranya ialah pengedar-pengedar itu sendiri menggunakan jalan raya untuk mengedar dadah. Jadi, dengan adanya jalan raya yang kita sediakan mereka dengan mudah sekali menyampaikan perkara-perkara ini kepada penagih-penagih dalam rancangan.

Saya pernah membayangkan daripada kita membaikpulih kepada penagih-penagih, lebih baik kita mencegah mereka daripada menjadi penagih. Caranya eloklah kita mesti adakan Pondok Polis di tiap-tiap rancangan kerana penduduk di satu-satu rancangan kadang-kadang 2,000, 3,000 sampai 5,000 orang. Jadi, kalau tidak ada Pondok Polis, sudah barang tentu gejala-gejala ini, pencurian dan sebagainya mudah berlaku. Jadi, di atas ini perlulah kita mengawasi dan mencegah lebih awal dengan kita meramaikan Polis lagi supaya tidak ketara sangat masalah-masalah ini berlaku di rancangan-rancangan.

Kalaulah sekiranya ramai di antara belia-belia kita berpenyakit, selain daripada penyakit yang lain ialah penyakit penagihan dadah, sedangkan kita perlukan kepada tenaga mereka untuk menjadikan negara kita negara maju dalam Wawasan 2020, maka sudah barang tentu cita-cita kita untuk menjadikan negara kita negara yang maju kurang tercapai. Sebab itulah kita mesti benar-benar menjadikan warganegara kita orang yang bersemangat, orang yang sihat, orang yang mempunyai kemahuan, bukannya penagih-penagih dadah yang hilang semua sekali, tidak ada perasaan langsung untuk menjaya atau memajukan negara. Hendak memajukan diri mereka sendiri pun tidak mampu, apatah lagi hendak memajukan negara kita ini sendiri. Sebab itulah pencegahan awal perlu kita laksanakan terutama sekali di rancangan-rancangan FELDA supaya anak-anak muda itu menjadi orang yang sihat dan bersemangat.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak jelaskan ialah kita akui bahawa dengan adanya FELDA ini, beberapa kemajuan telah kita capai terutama sekali dari segi pendidikan kerana kita sedar bahawa dengan adanya FELDA ini kita boleh

mengumpulkan orang secara ramai dan kita boleh mengadakan institusi pendidikan dan juga kemudahan perhubungan untuk pelajar-pelajar pergi balik ke sekolah-sekolah dan sebagainya. Maka kita telah kedapatan kejayaan yang memang kita tidak boleh nafikan kepada orang-orang yang tinggal di FELDA tetapi perkara penting yang perlu kita perhatikan ialah dari segi kita hendak menentukan negara kita maju, kita ada dua aspek.

Pertama ialah fizikal—kemajuan negara itu. Mungkin kita mengukur sesebuah negara yang maju itu, mungkin serba-serbi mudah. Agaknya kalau kita hendak makan nasi, kita petik sahaja, nasi masak, kita boleh makan. Kalau kita hendak mandi, mungkin kita petik sahaja switch, kita duduk diam, mungkin ada alat yang menggosok kita ketika mandi. Mungkin jalan raya kita senang hendak berjalan. Itu kemudahan fizikal tetapi kita mesti imbangkan kemudahan fizikal dengan kemudahan rohani, dengan kemajuan rohani manusia itu sendiri.

Saya tidak tahulah kalau sekiranya negara kita maju besok, kita membayangkan orang yang berjalan di bandar besar tanpa baju itu adalah merupakan orang maju. Saya tidak tahu. Mungkin disesetengah negara itulah ukurannya. Orang yang kahwin sesama lelaki, merupakan negara yang maju. Orang yang dapat anak 5 orang dahulu, lepas itu baru kahwin mungkin negara yang maju tetapi bagi kita, negara kita, mesti kita mengimbangkan kemajuan fizikal dan kemajuan rohani, kemajuan manusia itu sendiri kerana kita membayangkan segala sunnah manusia itu mestilah diteruskan. Kalau tidak, maka kita akan dapatlah bala daripada Allah s.w.t. sehingga ada di antara kita yang mendapat penyakit tanpa ubat—no cure. Tidak ada harapan untuk diubati. Ini semuanya gejala-gejala kita.

Jadi, kita mesti imbangkan dalam kita memajukan negara kita, kita mahu majukan manusia itu sendiri. Negara kita menuju ke arah ini. Bila maju negara dan maju manusia yang duduk di negara itu, barulah negara kita menjadi negara contoh. Kalau sekiranya tidak ada keseimbangan kemajuan di antara manusia itu dengan negara itu sendiri maka kita tidak boleh dikatakan sebuah negara yang boleh menjadi contoh kepada negara-negara yang lain. Sebab itulah kita mengharapkan di rancangan FELDA ini, walau bagaimanapun kita buat mestilah kita mengimbangkan manusia yang tinggal di rancangan itu. Sebab itu, kita mesti mengadakan aktiviti-aktiviti sosial, ceramah-ceramah agama dan sebagainya supaya mereka tinggal menjadi manusia yang sentiasa bersyukur dan sentiasa menerima apa sahaja yang mereka dapat dan tidak menjadi manusia yang cepat melatah, yang tidak tahan, yang tidak ada kesabaran, yang suka mengadakan kacau-bilau. Jadi, ini semua mestilah kita ambil perhatian bersama dalam kita memajukan rancangan-rancangan kita terutama di rancangan-rancangan FELDA ini.

Saya percaya kalau ini kita boleh laksanakan, sudah barang tentu beberapa kemudahan boleh kita berikan kepada penduduk dan rakyat kita. Jadi, hasrat kita untuk membuat pindaan ini adalah untuk tujuan ini. Saya mengharapkan benar-benar tujuan ini bukanlah semata-mata kita hendak mencari keuntungan yang bukan-bukan sehingga faedahnya itu tidak menjadikan kita benar-benar menjadi manusia yang bermutu di masa akan datang kerana hasrat ini penting, cara ini penting bagi menentukan manusia itu juga mendapat kejayaan. Janganlah kita memikirkan keuntungan semata-mata tanpa mengira apa akan berlaku kepada kita pada masa-masa akan datang.

Dalam hal ini, saya rasa perhatian yang berat bagi menentukan kejayaan ini ialah kita mengimbangkan keadaan dua perkara tadi iaitu kemajuan fizikal dan juga kemajuan rohani dan kemajuan manusia itu sendiri.

Saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak cakapkan. Saya mengambil kesempatan ini dan mengharapkan dengan lulusnya Rang Undang-undang ini boleh menambahkan lagi aktiviti FELDA dalam usaha untuk menjayakan negara kita ini dan juga untuk kemudahan rakyat yang lebih ramai. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sungai Petani.

Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Tan Kok Wai (Sungei Besi): (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejab. Peraturan ke berapa?

Tuan Tan Kok Wai: Peraturan Mesyuarat 14. Ada satu perkara yang saya kurang faham....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Peraturan 14, bahagian yang ke berapa?

Tuan Tan Kok Wai: Ini adalah berhubung dengan satu Usul yang dikemukakan oleh rakan saya dari Kampar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Oh ya. Yang Berhormat....

Tuan Tan Kok Wai: Saya kurang faham sebab mengapa Tuan Yang di-Pertua belum mengundur diri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat(*Disampuk*) Saya hendak ingatkan Yang Berhormat, walaupun kali ini sudah tukar orang yang membangkitkan perkara yang sama tetapi nampaknya susah hendak faham.....

Tuan Tan Kok Wai: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, diberhentikan bercakap. Sungei Besi, sila duduk dahulu!

Tuan Wong Wing On (Kampar): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kampar, sila duduk juga. Kalau kedua-dua Yang Berhormat ini enggan faham ataupun langsung tidak faham apa yang telahpun diputuskan, saya rasa kedua-dua Yang Berhormat yang berdegil-degil ini tidak mendatangkan manfaat melainkan ini mengganggu perjalanan persidangan dan saya jemput Yang Berhormat dari Sungai Petani, kalau hendak berucap.

Tuan Wong Wing On: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sebelum itu, Yang Berhormat dari Kampar diberi amaran, kalau tidak mematuhi peraturan dan juga keputusan telah dibuat, saya rasa Yang Berhormat kenalah menanggung segala-galanya dan saya rasa beliau juga perlu mengambil nasihat Yang Berhormat dari Kepong tadi supaya jangan bising.

Sungei Petani, silakan.

5.01 ptg.

Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Akta ini.

Penggubalan Akta ini merupakan manifestasi daripada komitmen dan keprihatinan Kerajaan terhadap sekumpulan peneroka yang sememangnya lahir daripada hasil usaha dan titisan keringat Kerajaan sendiri.

Skim FELDA adalah buah manis para pemimpin politik yang sangat sensitif dengan masalah kemiskinan sekelompok rakyatnya, betapa para petani, pesawah, nelayan dan penoreh getah yang hidup melarat dengan menjadi penghuni setia di gobok-gobok buruk yang hampir menyembah bumi telah dikelompokkan ke dalam satu organisasi ladang yang matlamat asasinya untuk membebaskan diri mereka daripada belunggu kemiskinan yang tidak pernah mengenal mangsa.

Penggubalan Akta ini sebagai tanda positif dan membuka era baru dalam sistem pengurusan FELDA, sememangnya sudah sampai masanya bagi FELDA meneroka kaedah pengurusan yang lebih dinamik dan bergerak seperti sebuah organisasi korporat, bukan hanya sekadar untuk mengeluarkan masyarakat kampung tradisional daripada garis kemiskinan, malah mewujudkan peneroka profesional. Ini bukan bermakna kita tidak mengiktiraf FELDA yang selama ini berjaya mengubah nasib peneroka. Matlamat itu sebenarnya telah lama dicapai walaupun tidak sepenuhnya, sekurangnya peneroka tidak lagi disenaraikan dalam golongan yang boleh dikira sebagai menghayati kemiskinan mutlak.

Sesungguhnya selepas 35 tahun FELDA diwujudkan, banyak kejayaan dan kemajuan dapat dihayati. Dari Perlis hingga ke Johor tanah yang dahulunya dilitupi rimba-raya kini bukan sahaja ditumbuhi oleh ladang kelapa sawit, koko dan getah yang subur menghijau, malah kawasan

penanaman serba lengkap serta tersusun yang berfungsi sebagai pusat pertumbuhan ekonomi yang amat memberangsangkan.

Sehingga ini FELDA sudah membuka 800,000 hektar tanah menerusi 478 rancangan yang membabitkan perbelanjaan hampir \$7 bilion dan menempatkan hampir 119,180 keluarga peneroka. Bank Dunia sendiri mengakui tanah rancangan FELDA adalah satu-satunya projek pertanian dan pembangunan tanah yang paling sistematik serta terbaik di rantau ini. Jika berasaskan pendapatan, sememangnya FELDA juga boleh berbangga kerana berjaya membasmikan kemiskinan di kalangan peneroka dengan pendapatan melebihi \$350 sebulan. Di samping mengubah corak hidup masyarakat kampung tradisional kepada satu kehidupan yang lebih baik, sekurang-kurangnya setiap peneroka memiliki 4 hektar tanah ladang dan sebuah rumah.

FELDA ternyata sudah melepasi ujian peringkat pertama untuk memajukan tanah baru bagi dijadikan ladang pertanian yang subur menghidu serta begitu produktif. Namun hakikat yang tidak dapat disembunyikan ialah keluhan sebahagian besar peneroka sekarang iaitu pendapatan tunai yang terlalu kecil dan tidak mampu menyara hidup keluarga dengan sempurna disebabkan pelbagai potongan sama ada untuk membayar hutang membuka tanah, cukai tanah atau pinjaman daripada kedai perbadanan niaga FELDA. Lantaran tekanan ini, budaya berhutang terus membelenggu hidup peneroka hingga menghalang golongan ini untuk bergerak lebih maju ke hadapan.

Dalam konteks inilah kita melihat sistem baru pengurusan FELDA bukan sahaja dapat membebaskan peneroka

daripada budaya hidup berhutang, malah dapat membantu golongan itu menguruskan keluarga dengan lebih teratur. Dengan pendapatan yang tetap, peneroka pasti lebih mudah mengatur keperluan dan hari muka keluarga. FELDA dan peneroka harus menerima realiti bahawa kedua-duanya perlu bergerak lebih jauh ke hadapan dalam sektor pertanian. Tanggungjawab FELDA dan peneroka kini lebih berat dan mencabar. FELDA dan peneroka sama-sama mempunyai tanggungjawab penting dalam membantu mencapai matlamat Kerajaan mengisi hasrat serta aspirasi Wawasan 2020. FELDA tidak mampu lagi berfungsi sebagai badan kebijakan bagi menempatkan golongan yang tidak bertanah dan miskin. Peneroka pula tidak seharusnya berhutang untuk makan dan menyekolahkan anak-anaknya. Sebaliknya, pihak pengurusan FELDA dan peneroka perlu berganding bahu ke arah menjadikan agensi berkenaan sebagai gergasi korporat yang mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan pengusaha-pengusaha ladang besar yang lain yang telahpun berjaya.

Sebenarnya, inilah ujian kedua yang wajar dilalui oleh FELDA dan peneroka bagi mencapai matlamat Wawasan 2020. Ia hanya dapat dilaksanakan menerusi penggunaan teknologi canggih dalam pengurusan ladang, manakala peneroka pula wajar mengembelikan tenaga ke arah menjadi tenaga mahir dan lebih profesional di sektor yang berasaskan pertanian. Sesungguhnya dengan Akta ini, FELDA wajar menyahut cabaran era kedua dalam usaha membangunkan peneroka.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong Akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

5.08 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan begitu prihatin di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini bagi menerangkan serta menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, ada segelintir Ahli-ahli Yang Berhormat yang mendakwa bahawa pindaan yang dicadangkan ini adalah dengan tujuan untuk mengesahkan perbuatan-perbuatan Lembaga yang selama ini tidak mengikut undang-undang dan jika tidak dipinda, segala perbuatan tersebut adalah tidak sah.

Seperti yang telah saya jelaskan dalam ucapan saya semalam, semua perkara telah dilaksanakan mengikut peraturan yang difahami dahulu dengan kelulusan-kelulusan yang perlu diperolehi. Tetapi apabila dinasihati bahawa skop Ordinan yang ada tidak meliputi keseluruhan aktiviti-aktiviti yang sudah dijalankan, maka perlulah skop ini diperluaskan supaya semua yang dijalankan oleh FELDA itu mengikut peraturan yang dahulunya semangnya sudah pun diluluskan.

Perbadanan-perbadanan dan syarikat-syarikat usahasama yang ditubuhkan atau disertai oleh FELDA, juga melaksanakan aktiviti-aktiviti mengikut undang-undang yang sedia ada. Walau bagaimanapun keperluan mengenai pindaan kepada Ordinan ini timbul apabila diteliti Perintah Perbadanan, didapati ada aktiviti-aktiviti yang telah dilakukan terdahulu oleh Perbadanan tidak diperuntukkan dalam Akta FELDA.

Oleh itu sebagaimana saya jelaskan, Kerajaan telah dinasihatkan supaya semua perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh Perbadanan hendaklah juga diperuntukkan di dalam Ordinan FELDA.

Merujuk kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas, jaminan bank yang diberi oleh FELDA adalah untuk membolehkan Perbadananya membuat urusanniaga dalam pasaran antarabangsa. Jaminan bank ini diperlukan oleh pihak Kastam berhubung dengan cukai eksport oleh kerana Perbadanan sendiri tidak boleh menyediakannya. Sekiranya FELDA tidak menyediakan jaminan bank ini tidaklah dapat Perbadanan-Perbadanan itu menjalankan urusanniaga di pasaran antarabangsa. Semua keperluan jaminan bank ini telah mendapat kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri sepertimana yang diperuntukkan dalam Undang-undang Perbadanan.

FELDA juga tidak ada membuat sebarang pinjaman dari institusi kewangan swasta. Semua keperluan kewangan FELDA adalah disediakan dari peruntukkan pinjaman dan grant secara langsung yang diberi oleh Kerajaan. Adalah juga dijelaskan Perbadanan yang akan diswastakan ialah Perbadanan FELDA dan bukannya organisasi FELDA sendiri. Bagi sebuah Perbadanan yang dijadikan syarikat, 51% dari ekuiti syarikat dimiliki oleh FELDA dan bakinya 49% oleh tabung-tabung peneroka dan Koperasi Permodalan FELDA. Tidak ada ekuiti yang akan dimiliki oleh pihak luar sama ada korporat ataupun orang perseorangan. Syarikat-syarikat yang akan ditubuhkan akan mengambilalih semua harta (assets) dan tanggungan (liabilities) Perbadanan yang ada sekarang.

Memandangkan akan entiti-entiti yang akan dijadikan syarikat adalah Perbadanan-perbadanan yang telah

sedia wujud dan sedang beroperasi, kajian yang menyeluruh tidaklah perlu dan pandangan dari peneroka juga tidaklah perlu. Ini telahpun saya jelaskan dalam ucapan saya pada masa memntangkan pindaan Ordinan ini pada hari semalam.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya adalah sesuatu yang salah dan tidak tepat apabila menganggap bahawa FELDA sebagaimana yang didakwa akan diambilalih oleh syarikat ataupun FELDA akan ditadbirkan oleh syarikat. Klausula 2 (I) Akta Pindaan yang mewujudkan subseksyen (3)(C)(ca) hanya memperuntukkan bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh FELDA boleh diambilalih oleh syarikat dan bukan tugas-tugas FELDA. Ini bermaknalah bahawa FELDA masih memegang tugas-tugasnya di bawah Ordinan dan juga bertanggungjawab atas pengendaliannya.

Di dapati juga bahawa di bawah Klausula 2(I) Menteri boleh memberi kelulusan untuk syarikat mengambilalih fungsi-fungsi perbadanan di bawah FELDA dan bukan fungsi-fungsi FELDA. FELDA masih bertanggungjawab atas fungsi-fungsi dan tugas-tugasnya di bawah Ordinan.

Mengenai soal-soal Surat Hakmilik, ianya cuma akan diserahkan apabila peneroka telah selesai bayaran kembali hutang mereka. Sehingga ini seramai 22,910 orang peneroka telah menjelaskan bayaran kembali dan dari jumlah ini seramai 14,516 orang peneroka telahpun menerima Surat Hakmilik dan bakinya masih dalam penyediaan. Semua peneroka yang dijanjikan mendapat Surat Hakmilik akan diberikan surat tersebut apabila mereka telahpun selesai menjelaskan bayaran-bayaran yang diperlukan bagi memajukan ladang-ladang mereka.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Berhubung dengan potongan kepada peneroka-peneroka, FELDA melaksanakan sistem di mana tidak akan ada potongan kecuali potongan kerana mengambil barang-barang secara kredit di kedai dan potongan ini dibuat jika pendapatan peneroka ialah \$400 sebulan bagi rancangan kelapa sawit dan \$300 sebulan bagi rancangan getah. Jika pendapatan seorang peneroka itu lebih dari paras ini, potongan yang dibuat ialah hanya potongan-potongan bayaran kembali atau, dengan izin, Consolidated Annual Charges (C.A.C.) ataupun cukai-cukai yang disatukan dan simpanan tanaman semula. Pendapatan yang mereka terima juga adalah setelah ditolak kutipan bayaran kredit mengambil barang-barang di kedai dalam bulan sebelumnya bernilai di antara \$200 hingga \$250.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai mereka yang telah disingkirkan, sehingga ini sebenarnya jumlahnya hanyalah seramai 411 orang iaitu 0.3% dari jumlah peneroka seramai 119,096 orang. Peneroka yang telah disingkir kerana kesalahan-kesalahan seperti jenayah, penyalahgunaan dadah, zina, penyelewengan hasil, meninggalkan rancangan dengan sendiri dan lain-lain kesalahan yang bertentangan dengan syarat-syarat penempatan peneroka. Belum ada lagi peneroka-peneroka yang disingkir semata-mata kerana mereka bekerja di luar dari rancangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menghargai komen dari Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas di atas penjelasan-penjelasan berhubung dengan pindaan kepada Ordinan ini di mana beliau telahpun memberikan penjelasan-penjelasan, gambaran-gambaran sebenar dan tepat berhubung dengan keperluan pindaan kepada Akta ini. Dan saya di sini secara tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah mencadangkan supaya disemak semula objektif FELDA bersesuaian dengan transformasi ekonomi yang ada sekarang. Adalah dimaklumkan bahawa aktiviti-aktiviti FELDA selama ini dan sehingga kini pun adalah selaras dengan Ordinan yang sedia ada. Bagaimanapun, FELDA telah memperluaskan bidang aktiviti ke arah aktiviti hiliran dan juga huluan yang berhubung-kait dengan keluaran ladangnya. Ini dibuat melalui aktiviti perbadanan dan syarikat usahasama. Aktiviti mereka adalah dibiayai sendiri atau, dengan izin, self-financing. Kesemua aktiviti ini adalah bertujuan untuk menghasilkan nilai tambah kepada hasil-hasil keluaran ladang peneroka dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka. Dengan pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan ditubuhkan syarikat-syarikat. Ini akan memberikan peluang yang lebih luas untuk FELDA bergiat dalam aktiviti-aktiviti yang lain selain dari yang berasaskan pertanian dan juga di luar dari kegiatan FELDA sendiri.

Mengenai cadangan supaya kawasan penempatan FELDA diwartakan sebagai, dengan izin, "development area", supaya senang Kerajaan menyalurkan peruntukan-peruntukan bagi kemudahan-kemudahan asas yang lengkap, perlulah dimaklumkan di sini bahawa penyediaan kemudahan-kemudahan itu adalah bergantung kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan. Peruntukan mengenai jalanraya di perkampungan FELDA telah dikurangkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat kerana kemelesetan ekonomi. Walau bagaimanapun, mulai Rancangan Malaysia Kelima, peruntukan ini telah dimasukkan semula. Oleh itu, memandangkan kepada banyaknya projek-projek yang perlu dilaksanakan maka tidaklah dapat ianya dilaksanakan secara sekaligus. Ada rancangan yang terpaksa menunggu giliran masing-masing.

Peraturan sekarang juga telah menentukan bahawa semua kerja-kerja yang berkaitan dengan jalanraya, bekalan air, bekalan elektrik dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan Pusat yang berkenaan iaitu JKR bagi jalan dan bekalan air dan TEN bagi elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan Akta yang dicadangkan ini sangatlah jelas sepertimana yang telah saya jelaskan semalam dan tidak ada motif-motif lain seperti yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kelang. Oleh itu Jawatankuasa khas yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah perlu ditubuhkan, dan ianya bolehlah diputuskan oleh Dewan yang mulia ini.

Mulai 1hb Januari, 1990 FELDA tidak lagi mengambil peneroka baru untuk rancangan tanahnya oleh kerana FELDA telah mula melaksanakan sistem komersial bagi ladang-ladangnya. Oleh itu tidak ada lagi peluang masa ini untuk sesiapa pun menjadi peneroka. Penyertaan untuk menjadi pekerja dengan syarikat ladang FELDA adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berkelayakan. Oleh itu, soal hendak meningkatkan penyertaan bukan bumiputera dalam penempatan peneroka tidaklah timbul. FELDA juga tidak menggunakan buruh asing di dalam kerja-kerja pembangunan tanah, kerana kerja-kerja ini diserahkan kepada kontraktor. Pengambilan pekerja-pekerja ini adalah terpulang kepada kontraktor berkenaan dan ianya adalah tertakluk kepada Undang-undang Buruh negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, FELDA sentiasa mengambil berat tentang masa hadapan generasi kedua, malahan generasi ketiga FELDA, dengan mengadakan beberapa banyak aktiviti-aktiviti seperti kelas bimbingan, taman asuhan kanak-kanak, tadika dan skim pinjaman

pelajaran tinggi untuk membantu mereka yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi. Asrama FELDA juga telah ditubuhkan bagi menyediakan tempat-tempat pembelajaran yang lebih selesa bagi mereka yang terpilih di kalangan anak-anak peneroka FELDA.

Kerjasama dengan agensi lain juga sentiasa diadakan bagi memperolehi dan bagi mendapatkan peluang-peluang latihan vokasional kepada mereka seperti dari IKM (Institut Kemahiran MARA), dari KEMAS, dari Jabatan Belia dan Sukan bagi menyediakan latihan-latihan, kemahiran-kemahiran, keterampilan-keterampilan yang boleh dipasarkan atau, dengan izin, marketable skills, kepada belia-belia di seluruh kawasan tanah-tanah FELDA dan lebih-lebih lagi pada hari ini apabila masyarakat belia di rancangan tanah-tanah FELDA telahpun mempunyai satu badan yang mewakili suara mereka, iaitu Majlis Belia FELDA.

Mengenai tabung untuk kebajikan peneroka yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, penubuhan tabung yang dimaksudkan dalam Akta yang dicadangkan ini ialah Kutipan Tanam Semula bagi Rancangan Sawit dan Insurans Ladang. Sebenarnya kedua-dua tabung ini telahpun wujud mulai tahun 1970an lagi. Kedua-dua tabung ini melibatkan potongan pendapatan peneroka dan digunakan untuk faedah peneroka sendiri. Perkara ini telahpun dijelaskan kepada peneroka. Tiada tabung baru yang akan ditubuhkan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh mengenai, dengan izin, accountability. Oleh kerana akauntabiliti, walaupun sudah beberapa dekad FELDA wujud dengan aktiviti untuk faedah peneroka yang memang diakui, tetapi apabila disedari sesuatu kekurangan, maka Kerajaan yang accountable membaikinya.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat semua maklum, FELDA adalah sebuah agensi Kerajaan dan ia diawasi oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Menteri berkenaan. Sebagai agensi yang bertanggungjawab, ia tahu tentang peranan dan tugas dan amat bertanggungjawab ke atas kegiatan-kegiatan serta peranannya. FELDA juga mempunyai Lembaga yang bertanggungjawab. Kegiatan FELDA adalah dilaporkan dan di mana perlu mendapat kelulusan Menteri yang berkenaan. Akaun dan Laporan Tahunan FELDA juga adalah diaudit....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar, Kepong bangun. Beri jalan?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Elok dengar dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Akaun dan Laporan Tahunan FELDA juga adalah diaudit oleh biro audit swasta yang bertauliah dan disahkan oleh Ketua Audit Negara serta dilulus dan dibentangkan di Parlimen ini. Akaun FELDA bagi tahun 1989 telahpun diluluskan. Akaun dan Laporan Tahunan FELDA serta Perbadanan bagi tahun 1990 pula telahpun siap diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara dan dijangka akan dapat dibentangkan di Parlimen tidak lama lagi.

Di dalam Lembaga Pengarah FELDA sendiripun terdapat 3 orang wakil dari kalangan peneroka.

Mengenai kekhuatiran Ahli Yang Berhormat tersebut berhubung dengan masa.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kepong bangun lagi.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tuan Yang di-Pertua, elok dengar sahaja dahululah. Dengar dahulu, setelah habis, baru boleh beri jalan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, mengenai kekhuatiran Ahli Yang Berhormat tersebut berhubung dengan masa hadapan peneroka yang tidak bersetuju supaya ladang mereka dijadikan syarikat ladang, adalah dimaklumkan bahawa ladang-ladang FELDA yang dicadangkan untuk diuruskan secara syarikat mulai 1hb Januari, 1990 tidak melibatkan rancangan yang telah berpeneroka. Mereka ini akan kekal di bawah sistem yang lama di mana mereka akan diberikan hak milik individu setelah menyelesaikan pembayaran kembali. Oleh itu, 119,096 orang peneroka di bawah sistem hak milik individu tidaklah terlibat di dalam penubuhan syarikat ladang ini. Ini adalah sama seperti kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Kuala Kelawang.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat berhubung dengan cuma 49% ekuiti dalam syarikat ladang dimiliki oleh peneroka, ingin saya menjelaskan di sini bahawa bagi menubuhkan sesebuah syarikat, pemegang saham hendaklah mengeluarkan wang modal. Bagaimanapun, bagi penubuhan syarikat ladang ini, sumber wang modal adalah dikeluarkan oleh Kerajaan kepada FELDA yang perlu dibayar balik. Oleh yang demikian, adalah logik FELDA memegang ekuiti terbesar untuk memastikan ladang-ladang tersebut diuruskan dengan baik, memperolehi hasil yang tinggi dan pinjaman dapat

dibayar balik. Peruntukan ekuiti kepada pekerja ladang syarikat adalah supaya membolehkan mereka memperolehi pendapatan yang lebih tinggi melalui dividen keuntungan dan dibayar sekiranya ladang memperolehi keuntungan. Mereka juga tidak mengeluarkan wang untuk memiliki saham syarikat tetapi boleh membelinya sehingga ke 49%.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pandangan-pandangan dan juga pertanyaan-pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga mengenai beberapa masalah seperti tanggagaji pekerja, apakah bonus akan dilaburkan dan sebagainya. Ingin saya memberikan penjelasan di sini bahawa tanggagaji pekerja ladang syarikat akan mengikut kadar yang dibayar oleh estet swasta, iaitu kadar yang dipersetujui oleh MAPA ataupun NUPW seperti mana yang terdapat pada masa ini. Dan adakah bonus akan dilaburkan dalam syarikat, sebagai penjelasannya, ialah tidak.

Berhubung dengan kadar gaji terlalu rendah atau harga saham terlalu tinggi sehingga peneroka mengambil masa 10 tahun menjelaskan harga saham mereka, saya perlu menjelaskan bahawa bayaran harga saham pekerja dibayar dari keuntungan syarikat, sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan bukan dari upah kerja yang dibayar kepada pekerja. FELDA tidak mengambil pekerja tanpa izin. Untuk makluman Yang Berhormat, FELDA tidak mengambil pekerja tanpa izin. Ada kemungkinan kontraktor yang mengambil kontrak kerja pembangunan dan pekerjaan, penjagaan menggunakan tenaga kerja pekerja-pekerja tanpa izin. Mereka yang menjadi pekerja di syarikat ladang adalah terdiri dari rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan keuntungan selepas cukai perbadanan-perbadanan bagi tahun 1990, sebagai jawapannya ialah \$67.5

juta dan dari segi keuntungan selepas cukai syarikat usahasama tahun 1990 ialah sebanyak \$44.7 juta.....

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kepong bangun lagi.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Dengar dahululah, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat terus dengar sahajalah, Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kepong, dia sudah beri notis.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Berhubung dengan berapa lama peneroka lama yang masuk dalam skim syarikat ladang, sebenarnya tidak ada peneroka lama yang masuk dalam skim ini, saya perlu jelaskan begini supaya sekaligus akan dapat memberikan satu pemikiran yang terang kepada Ahli Yang Berhormat yang masih bercelaru lagi berhubung dengan masalah ini. Jadi tidak ada peneroka lama yang masuk dalam skim syarikat ladang. Syarikat ladang yang akan ditubuhkan tidak akan melibatkan peneroka-peneroka yang sedia ada sekarang ini. Habis cerita.

Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai hak wanita dalam rancangan ini, seolah-olahnya ada macam satu perkara yang berlaku, seolah-olahnya dibangkitkan begitu sensasi sekali oleh wakil dari Kepong. Tadi sebenarnya apa yang dimaklumkan, apa yang disampaikan, apa yang diragukan itu tidak berlaku, tidak ada penindasan, tidak ada masalah segregasi, tidak ada masalah status wanita diperendah-
rendahkan dan sebagainya. Apa yang berlaku di FELDA jelas.....

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tak beri jalan.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:.... bahawa pada dasarnya yang didaftarkan menjadi peneroka ialah orang lelaki, iaitu suami kalau lelaki itu sudah ada isteri. Walau bagaimanapun, isteri peneroka juga mempunyai hak sebagaimana seorang isteri di mana-mana di dalam negara kita ini. Jadi tidaklah benar isteri peneroka dalam rancangan sistem yang lama ataupun yang baru ini diasingkan ataupun dicicirkan ataupun ditindas ataupun mempunyai tempat yang rendah dalam masyarakat di FELDA ataupun di rancangan-rancangan tanah FELDA. Isteri diperuntukkan hak dalam dua situasi atau keadaan di FELDA.

Satu, bila berlaku perceraian dan satu lagi bila berlaku kematian suami. Sekiranya berlaku perceraian, janda peneroka berkenaan berhak menuntut harta sepencarian atas kadar 50% dari jumlah bayaran kembali yang telah dijelaskan oleh bekas suaminya.

Apabila berlaku kematian kepada suami, isteri biasanya akan dikumpulkan semua waris-waris si mati dan akan diberikan peluang untuk dirundingkan. Di dalam perundingan ini biasanya 99% hak mewarisi kerja ataupun harta di FELDA itu yang ditinggalkan oleh suami yang telah meninggal dunia adalah terserah kepada isteri ataupun balu si mati. Jadi dengan ini jelas kepada kita bahawa apa yang digembar-gemburkan tadi itu oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong adalah merupakan satu perkara yang sengaja diada-adakan. Jadi saya harap habislah cerita itu.

Kemudian mengenai masalah sejauh mana kejayaan cadangan untuk menguruskan rancangan kemajuan

tanah secara estet, bagaimana penerimaan para peserta rancangan tanah, apa tindakan yang.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, nampaknya dia bangun balik.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Saya minta izin untuk teruskan, Tuan Yang di-Pertua, ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila ambil perhatian, dia sudah beri notis.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Jadi kalau ada turun-naik, turun-naik, gangguan ini, saya fikir nanti tak jelas. Ahli Yang Berhormat dari Kepong, kalau duduk diam-diam dan dengar, nanti Yang Berhormat akan jelas. Bila jelas, jadi tak bercegaru. Terima kasih.

Jadi berhubung masalah ini, sehingga kini pelaksanaan cadangan mengurus rancangan tanah FELDA secara estet adalah seperti berikut, iaitu sejumlah 151 buah rancangan telah dikenalpasti untuk diuruskan secara estet. Rancangan-rancangan ini mempunyai jumlah keluasan 246,675 hektar dan masih lagi belum ditempatkan peserta-peserta. Tindakan sedang diambil untuk menubuhkan dua buah syarikat untuk menguruskan dua dari rancangan-rancangan ini, iaitu Ladang FELDA Selancar VI dan Ladang FELDA Selendang II, kedua-duanya di negeri Pahang. Tindakan juga sedang dilaksanakan bagi pengambilan peserta ataupun pekerja yang diperlukan untuk kedua-dua rancangan ini. Bilangan pekerja yang diperlukan ialah 208 orang untuk Selancar VI dan 177 orang untuk Selendang II. Untuk tujuan ini 1,239 orang pemohon telah diterima dan dari jumlah ini seramai 1,137 orang

telah hadir untuk temuduga. Habis cerita itu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Arau mengenai tanah ladang Cuping di Perlis. Sebenarnya, untuk makluman Dewan yang mulia ini, tanah ladang Cuping tidak dimajukan dan tidak diuruskan di bawah peruntukan GSA. Tanah ladang ini dikumiakan hakmilik terus kepada FELDA. Kawasan ini ditanam dengan tebu. Oleh kerana pengurusan ladang tebu berbeza dengan cara pengurusan ladang-ladang kelapa sawit atau ladang-ladang getah, ladang tebu akan lebih berkesan dengan gunatenaga secara luas dan operasi dijalankan mengikut jadual yang tertentu. Maka tidak wajar tanah ladang tebu ini dibahagi-bahagikan secara individu dan lebih ekonomik kalau ianya dilaksanakan secara berkelompok.

Walau bagaimanapun, bagi tanah tapak rumah, peneroka di ladang tersebut diberikan hakmilik individu. Setakat ini, seramai 183 orang peneroka telah diberi hakmilik individu bagi tapak rumah. Pemberian hakmilik individu tapak rumah bagi 266 orang lagi peneroka FELDA Chuping sedang diambil tindakan sekarang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Parit yang menyokong cadangan pindaan, saya juga tidak lupa untuk mengucapkan jutaan penghargaan dan terima kasih, dan segala perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan kami ambil secara serius. Dan begitu juga kepada sahabat saya dari Maran, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan juga kepada yang telah memberikan cadangan-cadangan ataupun komentar-komentar atas sokongan beliau kepada pindaan yang dicadangkan. Begitu juga pandangan-pandangan beliau mengenai usaha-usaha penyatuan agensi-agensi itu akan turut diambil perhatian.

Usaha-usaha membuat kajian dan rationalisation, dengan izin, terhadap peranan agensi-agensi tersebut yang telah Ahli Yang Berhormat maklumkan melalui Dewan yang mulia ini adalah bermatlamat untuk menumpukan supaya pekebun-pekebun kecil sebagai kumpulan sasaran yang utama agensi-agensi berkaitan, yang menerima ganjaran dan faedah yang saksama supaya sejajar dengan kedudukan mereka sebagai penyumbang utama kepada pengeluaran getah asli negara. Cadangan-cadangan yang telah membantu tercapainya matlamat itu akan pasti diambilkira dalam kajian-kajian yang sedang dijalankan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) ini dan mana-mana pandangan-pandangan, komen dan kritik yang barangkali terlengkau oleh saya untuk menjawabnya secara memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat akan saya ambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN
LUAR PESISIR LABUAN
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.47 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dibaca buat kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada 1hb Oktober, 1990, beberapa perundangan asas dikuatkuasakan untuk menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa atau International Offshore Financial Centre atau secara ringkasnya IOFC. Dalam usaha Kerajaan untuk memperkenalkan Labuan IOFC kepada pelabur-pelabur asing, beberapa siri seminar telah diadakan di dalam dan di luar negeri. Berdasarkan daripada maklumbalas dan pandangan-pandangan dari seminar tersebut, Kerajaan bersetuju dan mengambil keputusan untuk meminda Akta-akta berkaitan dengan Labuan IOFC. Salah satu daripadanya ialah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 atau Labuan Offshore Business Activities Tax Act 1990 atau ringkasnya LOBAT.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan ini ialah untuk menjadikan Akta tersebut lebih menarik dan liberal sesuai dengan pandangan dan kehendak-kehendak pelabur asing tetapi tanpa menjejaskan kuasa-kuasa pengawalan dan pengawasan ke atasnya. Untuk tujuan itu, saya mohon mencadangkan supaya Akta LOBAT ini dipinda bagi memperkenalkan satu Seksyen 10A yang baru selepas sahaja Seksyen 10 Akta tersebut. Akta LOBAT mula berkuasa pada 1hb Oktober, 1990. Di bawah peruntukan LOBAT yang sedia ada, syarikat-syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti perdagangan luar pesisir mempunyai pilihan sama ada membayar cukai kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) sebanyak 3% daripada keuntungan bersihnya bagi satu-satu tahun taksiran ataupun \$20,000 bagi satu-satu tahun taksiran itu. Sementara syarikat-syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang bukan perniagaan luar pesisir tidak dikenakan apa-apa cukai.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 10A yang dijalankan ini membolehkan syarikat-syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti perdagangan luar pesisir dengan Labuan IOFC diberi pilihan tambahan iaitu membayar \$20,000 sebagai bayaran ataupun fee kepada mana-mana pihak berkuasa tertentu. Dalam hal ini, Pendaftar Syarikat dipilih sebagai pihak yang akan menerima bayaran ataupun fee tersebut sebagai ganti bayaran cukai yang dibayar kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Pada asasnya, pilihan tambahan ini mengandungi ciri-ciri berikut, iaitu ianya bersifat hasil bukan cukai 'non-tax revenue'. Ianya tetap berjumlah \$20,000. Ianya dibayar kepada pihak berkuasa lain, Pendaftar Syarikat pada kes ini, selain daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri sebagai satu bayaran ataupun fee dan bukan sebagai cukai, dan jika syarikat-

syarikat luar pesisir memilih membayar \$20,000 itu kepada Pihak Berkuasa lain, iaitu Pendaftar Syarikat dalam kes ini seperti yang diperuntukkan di bawah pindaan dan cadangan ini, mereka tidak akan lagi dikenakan cukai di bawah LOBAT seperti yang dinyatakan atas tadi.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak perundangan-perundangan asas mengenai Labuan IOFC dikuatkuasakan pada 1hb Oktober 1990 sebanyak 36 buah syarikat-syarikat luar pesisir telah ditubuh atau didaftarkan serta beroperasi di Labuan IOFC. Pindaan ke atas LOBAT yang dicadangkan ini, hanyalah untuk memudahkan dan memberi pilihan tambahan kepada syarikat-syarikat yang tidak gemar untuk membayar \$20,000 itu sebagai cukai kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri dan membolehkan mereka membayar sebagai satu bayaran kepada pihak berkuasa yanglain iaitu Pendaftar Syarikat dalam kes ini. Cadangan ini dibuat melalui pengenalan satu peruntukan baru iaitu Seksyen 10(a) kepada Akta LOBAT tersebut. Dengan kata lain, mana-mana syarikat luar pesisir yang telah membayar \$20,000 kepada Pendaftar Syarikat di bawah Seksyen 151 baru Akta Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 1991 tidak lagi akan dikenakan cukai di bawah LOBAT iaitu di bawah Rang Undang-undang (Pindaan) yang dicadangkan ini.

Pengenalan Seksyen 10(a) yang baru melalui pindaan ke atas LOBAT seperti yang dicadangkan ini tidak akan melibatkan apa-apa perbelanjaan tambahan dan tidak mengurangkan apa-apa hasil kepada Kerajaan. Sebaliknya, pindaan ini akan menjadikan sistem percukaian serta asas-asas perundangan untuk pembangunan Labuan sebagai IOFC lebih liberal dan menarik setanding dengan lain-lain IOFC yang telah maju dan terkenal tanpa menjejaskan sistem pengawalan dan pengawasannya.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Labuan.

5.52 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit (Labuan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 (Pindaan) 1991. Cadangan pindaan ini adalah dialu-alukan dan ianya menunjukkan betapa seriusnya Kerajaan untuk membangunkan Labuan dan begitu responsive terhadap masalah awalan bagi Labuan beroperasi sebagai IOFC dan menjadikan peruntukan LOBAT ini lebih flexible, dengan izin, yang dapat menarik usaha dan mengerak tumpuan pelabur-pelabur bagi menjadikan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ibu ini bertujuan bagi membuat peruntukan mengenai pengenaan, penaksiran dan pungutan cukai ke atas aktiviti perdagangan luar pesisir (offshore trading activities) dan aktiviti perdagangan luar pesisir atau aktiviti bukan perdagangan luar pesisir (offshore non-trading activities) iaitu pegangan pelabur dalam bentuk sekuriti, syer, saham, pinjaman, deposit dan harta tak alih oleh syarikat luar pesisir.

Tuan Yang di-Pertua, kadar cukai yang dikenakan mengikut Akta ibu, Bahagian Dua, fasal 3 hingga 8 menjelaskan bahawa bagi sesuatu tahun taksiran suatu syarikat luar pesisir yang menjalankan suatu aktiviti perdagangan luar pesisir akan diberikan pilihan sama ada membayar cukai atas kadar 3% daripada keuntungan bersihnya dengan mengemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri suatu Akaun Berkanun (Statutory Declaration) dan Penyata Keuntungan Syarikat (Profit Return) atau membayar cukai sejumlah \$20,000 bagi tahun taksiran itu dengan mengemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri suatu Akaun Berkanun sahaja.

Fasal 11 pula menyatakan pembayaran penuh cukai bagi aktiviti perdagangan luar pesisir dibuat semasa memfailkan Penyata atau Akaun Berkanun.

Tuan Yang di-Pertua, penaksiran pengenaan cukai sebanyak 3% atau pembayaran cukai sebanyak \$20,000 ini telah banyak mendatangkan masalah dan sedikit sebanyak telah membantutkan hasrat dan cadangan para pelabur untuk beroperasi di Labuan dan soal ini banyak mendapat komen dan pertanyaan dari bakal-bakal pelabur kerana taliannya dengan tax treaty kita dengan negara-negara yang berkenaan.

Maka dengan adanya pindaan yang dibuat pada hari ini kepada LOBAT bagi Seksyen 10A yang bertujuan membuat peruntukan bagi ketidakbolehan cukai berkenaan dengan suatu syarikat luar pesisir yang menjalankan suatu aktiviti perniagaan luar pesisir yang adalah aktiviti perdagangan luar pesisir sekiranya dalam tahun taksiran itu syarikat luar pesisir tersebut telah membayar fee sebagaimana yang ditentukan di bawah Akta Luar Pesisir 1990 yang berjumlah sebanyak

\$20,000. Maka ini akan menjadikan Akta ini lebih terbuka dan sekali gus akan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur dari negara-negara di mana kita mempunyai tax treaty dengan negara-negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkeyakinan dengan adanya pindaan kepada Akta ini dan pindaan yang dirangka ini dengan keperluan-keperluan prosedur yang minimum dan boleh dipinda dari masa ke semasa dengan mudah bila dikehendaki supaya tiada halangan atau batasan bagi kemasukan pelabur-pelabur tulen ke Labuan dalam masa yang sama juga memelihara kemajuan dan pembangunan sektor korporat di arena luar pesisir antarabangsa dan sekaligus menjadikan Labuan sebagai tax haven.

Walaupun di dalam jangkamasa satu tahun sahaja, baru satu tahun Akta ini ditadbirkan di Wilayah Persekutuan Labuan, hanya terdapat sebanyak 25 buah syarikat luar pesisir yang ditubuhkan dan sebanyak 55 permohonan nama telah diterima untuk ditubuhkan sebagai syarikat luar pesisir. Namun demikian, bilangan syarikat pesisir yang kecil bukanlah menjadi ukuran sama ada Labuan adalah IOFC yang tidak menarik kepada pelabur-pelabur asing. Harus diingat bahawa kebanyakan IOFC di tempat-tempat lain memakan masa sekurang-kurangnya 10 tahun atau mempunyai gestation period yang lama sebelum ianya benar-benar dikenali di mata dunia.

Bermuda sebagai contohnya menjadi IOFC pada tahun 1950an, tetapi hanya berkembang dan maju selepas tahun 1980an manakala Cameron Highlands pula, walaupun dapat dimajukan dalam jangka masa yang pendek atau dengan cepat, tetapi kini telah menghadapi masalah kerana penglibatannya dengan skandal BCCI.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi daya tarikan dan pembangunan fizikal, Labuan tidaklah sehebat Singapura atau Hong Kong, namun jumlah deposit dan juga pengeluaran pinjaman yang diterima oleh tiga buah offshore banks sudah mula meningkat hampir \$600 juta dan pinjaman melebihi \$100 juta. Ini jelas menunjukkan suatu kejayaan awal bagi Labuan untuk menjadi IOFC. Walaupun ianya belum diketahui sepenuhnya oleh pelabur-pelabur di negara ini, apatah lagi di luar negeri.

Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan agar pihak Kerajaan dan agensi-agensi yang berkenaan dapat memperbanyakkan lagi seminar-seminar mengenai Labuan sebagai IOFC dan Kementerian Kewangan diminta supaya dapat memperbanyakkan lagi road show di luar negeri.

Setakat ini seperti kita sedia maklum, hanya satu road show sahaja yang dibuat iaitu di Hong Kong beberapa bulan yang lalu dan dari segi penyertaan di dalam seminar ini kita berjaya kerana lebih daripada 250 peserta yang mengambil bahagian, tetapi dari segi perolehan hasil atau untuk menarik dan membawa pelabur-pelabur yang bertapak dan beroperasi di Hong Kong ke destinasi baru ini, iaitu Labuan belumlah dapat kita banggakan kerana responsenya masih di tahap yang rendah.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan cara penyampaian di dalam seminar-seminar yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan ini supaya ditingkatkan dengan cara menggunakan persembahan yang lebih menggunakan audio visual daripada lebih bercakap, pengamatan saya apabila menghadiri seminar yang diadakan di Hong Kong di sebelah pagi, kita dapati ramai peserta khususnya apabila kita adakan sesi di sebelah petang, lebih separuh yang hilang. Jadi, kalau boleh, corak

persembahan ini diperbaiki seperti yang saya nyatakan tadi dengan menggunakan lebih banyak audio visual daripada bercakap. Tidak mengapalah kerana kadangkala terdapat juga penyampai-penyampai kita ini tidak begitu berkesan dari segi penyampaiannya.

Kalau boleh juga, saya cadangkan di sini agar diberi peluang syarikat-syarikat yang hendak beroperasi di Labuan ini supaya dapat berjumpa terus dengan potential clients di tempat-tempat kita mengadakan seminar seperti ini dan juga pihak-pihak yang berkenaan, misalnya Bank Negara, ROC dan juga Jabatan Income Tax ini dapat mengadakan sesi soal-jawab dengan kumpulan-kumpulan yang kecil supaya ianya lebih efektif lagi.

Saya difahamkan Kementerian akan menganjurkan satu lagi road show di Taiwan dan juga di Tokyo pada akhir bulan hadapan dan saya mengharapkan dengan banyaknya lagi road show ini kita akan dapat memperkenalkan Labuan sebagai IOFC.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan fee yang dikenakan sebanyak \$20,000 ini mengapa ianya dibayar kepada Pejabat Pendaftar Syarikat Rantau atau ROC dan tidak kepada badan-badan lain, misalnya Income Tax walaupun ia bukan merupakan income tax ataupun kepada pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Perbandaran Labuan yang mempunyai peruntukan melalui Local Government Ordinance yang mana ia boleh menerima fee sebanyak \$20,000 ini. Ini sedikit sebanyak akan dapat membantu Local Government atau Penguasa Tempatan dari segi kutipan hasil melalui syarikat-syarikat luar pesisir yang beroperasi di Labuan.

Saya rasa itu sahaja yang dapat saya sampaikan pada petang ini dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

6.07 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya pernah dengar dan baca di dalam akhbar mengenai pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa lawatan beliau ke Labuan pada 21hb Mei tahun ini dan semasa lawatan itu Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membuat satu pengumuman bahawa cukai \$20,000 ini dikecualikan.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman itu dikuatkuasakan dengan serta-merta. Di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau mempunyai kuasa berbuat demikian? Dia mengemukakan untuk mengecualikan cukai, kemudian pengumuman itu boleh dikuatkuasakan dengan segera tanpa merujuk kepada Dewan Rakyat!

Saya merasa hairan sedikit kerana hal ini boleh dilakukan. Apakah undang-undang yang digunakan untuk berbuat demikian? Memang perbuatan seperti ini menunjukkan betapa committednya pihak Kerajaan untuk menjayakan Labuan sebagai pusat IOFC. Memang begitu committed tetapi kita hendak fikir kalau kita boleh menguruskan IOFC itu dengan baik, spin-off benefit dan sebagainya akan membawa keuntungan kepada negara.

Saya tidak menafikan kalau ini diuruskan dengan betul tanpa membenarkan money laundering oleh setengah-setengah mafia sama ada di dalam atau di luar negara ini. Ini memang satu perbuatan yang baik untuk mewujudkan lebih banyak pelaburan, lebih banyak wang dibawa daripada luar negara kepada Labuan untuk manfaat bukan sahaja penduduk di Labuan bahkan juga kita harap para penduduk Malaysia.

Walau bagaimanapun, dengan pengumuman Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 21hb Mei yang lepas, ini bermakna negara ini akan hilang hasil dengan begitu sahaja. Apakah amaun hasil yang dihilangkan dengan pengumuman sedemikian? Bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan Rakyat kerana Dewan yang mulia ini memerlukan maklumat yang lengkap mengenai kehilangan hasil ke atas pengumuman Yang Berhormat Menteri Kewangan. Bolehkah yuranyuran yang akan dibayar oleh syarikat, menampung kerugian kerana kehilangan hasil tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju bahawa Rang Undang-undang ini dibawa kemudian selepas pengumuman beberapa bulan sudah. Bulan Mei sampai sekarang, lebih lima bulan. Lebih lima bulan, kemudian dibawa ke sini untuk diluluskan. Ini satu amalan yang saya tidak setuju, sama seperti Rang Undang-undang untuk Ordinan Kemajuan Tanah yang telah saya pun bangkitkan di sini dengan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan, juga saya tidak setuju. Kita tidak mahu umumkan dengan lebih awal, lima bulan kemudian kita bawa ke Dewan Rakyat ini untuk dibahas. Tidak payahlah. Itu sudah dibuat. Kita sudah hilang hasil lima bulan, kemudian dia bentangkan Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pun seorang peguam juga. Bolehkah kita buat macam ini, secara retrospektif? Saya tidak setuju dengannya, kerana biasanya undang-undang retrospektif, undang-undang yang mewujudkan ketidakadilan.

Tuan Yim Chee Chong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar, ada Ahli Yang Berhormat bangun. Beri jalan?

Tuan Yim Chee Chong: Saya ingin minta penjelasan tentang soal Yang Berhormat katakan tadi 'retrospektif' adilkah atau tidak. Mengikut undang-undang English law ada, undang-undang ada. Sila beri jawapan. Sekian, terima kasih. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu dengar dan tidak beri jalan. Saya hendak arahan Tuan Yang di-Pertua sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua tidak boleh komen.

Dr Tan Seng Giaw: Saya masih bangun, masih berdiri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak bolehlah masukkan dalam *Hansard*. Saya tidak terima. Macam samseng begitunya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat....

Tuan Yim Chee Chong: Ini bukan macam samseng.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Yam Chee Chong: Hendak beri jalan atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Dr Tan Seng Giaw: Saya tidak beri kerana dia tidak minta langsung.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun bererti dia minta jalan.

Dr Tan Seng Giaw: Tiba-tiba dia melaung-laungkan seperti samseng. Saya tidak boleh layan yang demikian, kerana ini Dewan Rakyat yang terunggul dalam negara ini....

Tuan Yim Chee Chong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta duduk!

Tuan Yim Chee Chong: Yang Berhormat ketua samseng atau tidak? (*Ketawa*) Tadi Yang Berhormat katakan tidak setuju.....

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, siapa yang berucap?

Tuan Yim Chee Chong: Tetapi kalau undang-undang diluluskan, walaupun Yang Berhormat tidak bersetuju, Yang Berhormat harus terima.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya sedang berucap. Tuan Yang di-Pertua, saya pandang kepada Yang di-Pertua.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila teruskan, yang lain-lain duduk. Sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Yang Berhormat dari Gerik, setujukah dengan tabiat samseng seperti itu?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tanya kepada sayakah? Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Seremban tidak nampak macam

samseng pun, nampak cukup baik. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Itulah, burung satu jenis, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Bulu itu sama, warna pun sama.

Tuan Yim Chee Chong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, bulu mungkin sama, tetapi warna tidak sama. Saya hitam, dia putih. Saya ingat mata pun sudah kelabu.

Dr Tan Seng Giaw: Burung sejenis ini tidak tahu adat resam, tidak tahu ada tatatertib, tidak tahu ada Tertib Mesyuarat, itu dia tidak tahu langsung.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Kita menghormati Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah perkara itu. Teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Gerik ini, dia pemimpin belia. Kalau berlagak sedemikian dengan tabiat yang begitu buruk, macam mana kita dapat memimpin berjuta belia dalam negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah itu, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Pada bulan yang lepas dia pun ada ambil bahagian dalam persidangan belia, kalau tidak silap saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sabar. Cukuplah perkara itu. Teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat dari Gerik ambil perhatian dan menunjukkan prihatinnya ke atas IOFC dan juga LOBAT ini. Memang dia tidak mahu ambil perhatian. Jadi, Rang Undang-undang ini boleh menghilangkan halangan-halangan yang dihadapi oleh setengah-setengah bank yang bakal melabur di Labuan itu tidak boleh dinafikan. Memang ada setengah-setengah bank membuat siasatan dan kajian untuk melaburkan di Labuan, terutamanya daripada Hongkong. Kalau tidak silap saya, ada setengah-setengah bank daripada Hongkong buat pelaburan di Labuan. Tetapi walau bagaimanapun, saya tidak tahulah macam mana syarikat-syarikat kewangan dan bank tempatan boleh dapat untung daripada kecualian ini, mungkin syarikat-syarikat kewangan tidak akan dapat faedah dengan segera. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak bekas Menteri Kewangan ini peranannya di Labuan, hanya Menteri Kewangan ataupun bekas Menteri Kewangan dapat memainkan peranan sebagai Pengerusi dan sebagainya. Orang lain tidak ada chance langsung. Padang Terap pun tidak ada chance. Pasukan Petugas untuk membangunkan Labuan pun diketuai oleh bekas Menteri Kewangan. Saya berharap beliau dapat memainkan peranan yang lebih positif, yang benar-benar menumpu perhatian kepada aktiviti-aktiviti yang boleh menjejaskan negara ini, yang boleh menjejaskan kepentingan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di sini walaupun pindaan ini ada dua perenggan sahaja, saya kurang pasti sama ada pembatalan ini dapat mengecualikan separuh sahaja, saya

agak satu tahun sahaja, bukan untuk tiga tahun pengecualian ini. Adakah ini bermakna pengecualian ini sebahagian sahaja ataupun total, keseluruhannya? Akta asal, Tuan Yang di-Pertua, hanya membenarkan Syarikat Luar Pesisir membayar sama ada 30% daripada untung bersih selepas diaudit atau maksima \$20,000 dan di sini dia kata dikecualikan untuk satu tahun taksiran sahaja. Apakah itu maksud yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua? Dan ini adakah bermakna, kecuali mereka membayar yuran bagi mendaftarkan dengan Pendaftar Syarikat, mereka tidak dikenakan membayar apa-apa di Labuan. Adakah ini maksudnya daripada Rang Undang-undang ini, cuma yuran sahaja? Kalau begitu, apakah dengan amaun yuran ini dapat kita menampung kerugian, hanya dengan membayar yuran kepada Pendaftar Syarikat?

Tuan Yang di-Pertua, apakah nilai yuran ini berbanding dengan pembayaran cukai kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri? Adakah bayaran dibuat bersangkutan dengan pindaan akan menjadi hasil Pendaftar Syarikat atau Jabatan Hasil Dalam Negeri? Kerana di dalam Rang Undang-undang ini tidak disebutkan dengan jelas, jadi adakah ini bermakna yuran yang dikenakan oleh Pendaftar Syarikat selama ini sebagai kos pentadbiran atau ditambahkan? Perkara ini tidak pernah dijelaskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara ini kerana dengan Labuan menjadi IOFC sepertimana yang telah saya sebutkan pada masa yang lepas, semasa satu siri undang-undang dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini pada tahun yang lepas, Labuan sebagai IOFC ialah sangat penting di dalam negara ini, kerana banyak penyelewengan, kecurangan, perbuatan yang tidak diingini boleh berlaku. Tiba-tiba ada undang-undang seperti ini untuk hanya mengecualikan

cukai, tetapi tidak ada kaedah yang lain untuk memastikan tidak berlakunya aktiviti-aktiviti kewangan yang tidak akan menguntungkan negara ini. Sebab itulah saya menekankan sekali lagi bahawa usaha-usaha perlulah dibuat dan berkeazamanan untuk mengelakkan daripada berlakunya aktiviti-aktiviti yang tidak diinginkan, terutamanya oleh Menteri Kewangan.

Saya diberitahu bahawa mungkin setakat ini, peranan yang dimainkan oleh beliau itu tidak begitu positif untuk membawa kesan yang lebih efektif ke atas aktiviti kewangan termasuk IOFC di Labuan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

6.23 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan pindaan kepada Rang Undang-undang Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 1991 ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan, kejayaan awal telah dicapai semenjak Labuan diisytiharkan sebagai IOFC (International Offshore Financial Centre), dan nampaknya aktiviti-aktiviti perniagaan yang sedang dijalankan di Labuan ini adalah menggalakkan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Labuan supaya Kerajaan menjalankan lebih banyak seminar-seminar mengenai Labuan IOFC di luar negeri. Tuan Yang di-

Pertua, memanglah perkara itu ada pada rancangan Kementerian saya ini, dan siri seminar-seminar telah dibuat di luar negara dan pada akhir tahun ini, satu lagi seminar akan diadakan di Taipei juga di Tokyo supaya dapat menarik pelabur-pelabur asing daripada negara Taiwan dan juga negara Jepun untuk melabur di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembayaran \$20,000 ini kepada Pejabat Pendaftar Syarikat, Ahli Yang Berhormat bertanya mengapa amaun ini tidak dibayar kepada pejabat-pejabat lain, misalnya Jabatan Hasil Dalam Negeri ataupun Majlis Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pentadbiran apabila satu syarikat mendaftarkan untuk beroperasi di Labuan, dari segi pentadbiran ini adalah cara yang terbaik sekali, dan ini adalah seperti apa yang telah saya katakan sebentar tadi, adalah bertujuan untuk memberi satu lagi pilihan tambahan untuk pelabur-pelabur asing supaya mereka membayar satu bayaran yang bukan cukai, dan cara yang terbaik sekali selain daripada membayar kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri adalah membayar kepada Pejabat Pendaftar Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan-pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih dan beliau mengatakan pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 21hb Mei tahun ini di Labuan di mana Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan mengecualikan cukai \$20,000 itu dan dikuatkuasakan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan pengumuman Yang Berhormat Menteri Kewangan itu adalah 'wrongly quoted by the press', dengan izin, dan dengan itu apa yang

diumumkan itu tidak juga dikuatkuasakan seperti apa yang dianggap oleh Yang Berhormat tersebut Oleh sebab itu kita bawa pindaan ini ke Dewan pada hari ini.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh terima jawapan seperti itu, kerana pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak mengeluarkan satu kenyataan di dalam akhbar langsung untuk menyangkal atau menafikan apa yang disiarkan oleh akhbar.

Saya tidak nampak dan dia tidak menyangkal, tidak menafikan pengumuman ini dan 5 bulan kemudian Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab di sini. Itu saya tidak boleh terima.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap ada pembetulan telah dibuat oleh pihak yang tertentu, tetapi walau bagaimanapun saya di sini menyatakan sekali lagi apa yang disiarkan dalam suratkhbar pada hari itu adalah "wrongly quoted by the press".

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu isu yang dibangkitkan oleh wakil dari Kepong sama ada membayar \$20,000 sebagai fee ataupun yuran kepada

Pendaftar Syarikat akan dikecualikan Syarikat Luar Pesisir itu daripada sebarang cukai.

Saya rasa Ahli Yang Berhormat tidak faham kepada ucapan saya tadi itu. Tadi saya telah katakan bahawa pindaan ini adalah untuk memberi pilihan tambahan kepada Syarikat-syarikat Luar Pesisir untuk membayar 3% ataupun \$20,000 kepada Jabatan Hasil Dalam Negerikah ataupun mereka boleh memilih untuk membayar \$20,000 kepada Pejabat Pendaftar Syarikat tiap-tiap tahun dan tidak ada cukai-cukai lain yang dikenakan kepada Syarikat-syarikat Luar Pesisir lagi. Dan hasil \$20,000 itu sama ada sebagai cukai ataupun sebagai bayaran ataupun fee akan menjadi hasil kepada Kerajaan, tidak kira sama ada dibayar kepada IOFC ataupun kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh sambung esok.

Dato' Loke Yuen Yow: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup untuk hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 3.00 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.